


Jilid I
Bil. 94



Hari Selasa
22hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13213]

PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI ULU PADAS DI BAWAH
S.O. 14 (1):

Tanah di Pulau Labuan [Ruangan 13251]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 30 hingga B. 34 [Ruangan 13254]

Maksud B. 35 [Ruangan 13308]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 13253]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 13328]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 30, P. 33 dan P. 66 [Ruangan 13254]

Maksud P. 35 [Ruangan 13308]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OIHMAN, D.P.M.I., P.P.T. (Kuala Trengganu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Menteri Buruh DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU (Keningau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS, (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI AZAHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UEN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M*,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOL, (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 22hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEBUHRAYA "TRANS BORNEO"
—MENAikkan TARAF

1. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya "The Trans Borneo Highway" yang menghubungkan Sarawak, Sabah dan Brunei ditarkan setaraf dengan kedudukan jalan raya di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang bercadang mengtarkan lebuhraya Trans Borneo itu dan mengikut mutu jalan-jalan raya utama di Semenanjung Malaysia. Akan tetapi kerana lebuhraya itu terlalu panjang ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan tempatan dan kedudukan kewangan negara.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan

bercadang untuk menawarkan pihak swasta untuk membina lebuhraya Trans Borneo itu sebagaimana yang telah dibuat oleh negeri Sabah; jika ya, bilakah penawaran itu akan dibuat; jika tidak, mengapa?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya kurang faham sama ada jalan raya ini akan diserahkan untuk dilaksanakan oleh pihak swasta dan seterusnya ditolkan, ataupun cuma diminta supaya dijalankan kerja kontrak kepada swasta dan Kerajaan yang mempunyai jalan itu. Saya kurang faham, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang Dipertua, apa yang saya maksudkan sama ada Kerajaan bercadang supaya menawarkan pihak swasta untuk membina jalan raya sepertimana yang telah dibuat sekarang oleh Jabatan Kerja Raya yang melaksanakan pembinaan lebuhraya tersebut. Adakah rancangan Kerajaan untuk menawarkan pihak swasta sepertimana yang telah dibuat oleh negeri Sabah, kalau saya tidak salah?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, pihak JKR Sabah pada beberapa tahun yang lepas telah meningkatkan keupayaannya kerana ketiadaan pemborong swasta masa dahulu dan oleh kerana sudah pun ada kemudahan-kemudahan dan kakitangan yang cukup buat sementara ini selagi tidak ada kontrak-kontrak yang besar dikeluarkan ataupun dicadangkan, maka pihak JKR

Sarawak akan terus menjalankan kerja pembinaan jalan-jalan raya. Tetapi di masa hadapan kalau ada kontrak besar yang tidak dapat dijalankan oleh pihak JKR sendiri kerana kurang keupayaan mungkin akan diberikan kepada pihak swasta.

SKIM PERUMAHAN—BILANGAN TIAP-TIAP NEGERI

2. Tuan Haji Seroji Afandi bin Haji Haron minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan skim perumahan yang diuntukkan bagi tiap-tiap Negeri di Semenanjung Malaysia dan bilangan skim bagi negeri Kedah dan bila fasa ketiga skim perumahan di Pekan Baling akan dibina dan bila projek-projek perumahan bagi Kuala Pegang, Kampong Lalang dan Tawar akan dirancang dan dimajukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang Dipertua, berdasarkan kepada peruntukan Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$1,000 juta dan juga kepada peruntukan "forward commitments" sebanyak \$2,000 juta, kesemuanya 696 projek telah dirancang bagi Semenanjung Malaysia.

Daripada bilangan projek ini 216 projek merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Ketiga. Pecahan bilangan projek mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Projek</i>
Johor	69
Kedah	56
Kelantan	50
Melaka	53
Negeri Sembilan	76
Pahang	71
Perak	83
Perlis	26

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Projek</i>
Pulau Pinang	24
Selangor	148
Terengganu	40

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat projek Baling 3 sekarang ini berada dalam peringkat awal pelaksanaan. Walau bagaimanapun projek ini tidak dapat dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal di bawah Kementerian saya untuk mendapatkan kelulusan pinjamannya, oleh kerana peruntukan bagi projek rumah awam kos rendah untuk 1983 ini telah kehabisan.

Mengenai projek perumahan bagi Kuala Pegang, Kampong Lalang dan Tawar pula projek-projek tersebut tidak ada di dalam senarai projek-projek negeri Kedah untuk Rancangan Malaysia Keempat. Adalah terpulang kepada Kerajaan negeri Kedah untuk mencadangkan projek-projek tersebut bagi Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berapa banyak bilangan-bilangan projek termasuklah juga projek-projek di tiap-tiap negeri.

Saya ingin bertanya apakah cara ataupun kaedah pihak Kementerian ini di dalam memberikan pertimbangan di atas permohonan daripada negeri-negeri atau dengan lain perkataan apakah kriteria yang diberikan bagi memenuhi keperluan permohonan daripada negeri-negeri.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, apabila cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri ditimbang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada beberapa kriteria digunakan, di antaranya ialah

jumlah penduduk, jumlah rumah yang sedia ada, jumlah rancangan perumahan kos rendah yang telah dilaksanakan dan kemampuan Kerajaan untuk memberi peruntukan bagi tiap-tiap negeri.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sama ada Kerajaan telah menjalankan penyelidikan secara menyeluruh tentang kekurangan rumah kos rendah. Jika ya, apakah nisbah di antara permintaan dengan projek-projek yang dirancangan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua. Kerajaan dari masa ke semasa telah menjalankan beberapa kajian tentang kedudukan perumahan awam kos rendah di negara kita dan tiap-tiap kajian tidak menunjukkan bahawa kita terdapat kekurangan yang besar dan dalam tiap-tiap pembangunan Rancangan Malaysia kita menambahkan jumlah unit yang akan dibina oleh Kerajaan.

Kekurangannya adalah masih terdapat dalam negara kita dan tiap-tiap kali kita merancang kita menambahkan jumlah unit yang kita dapat bina. Selain dari itu juga kita telah meminta pihak swasta untuk membina rumah kos rendah disyaratkan untuk membina rumah kos rendah untuk membantu pihak Kerajaan memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mahu bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai bilangan skim-skim perumahan yang dinyatakan tadi oleh Timbalan Menteri berapakah yang terletak di keliling bandar-bandar besar seperti Ipoh, Kuala Lumpur dan lain-lain. Jika tiada, mengapa tiada terutama terdapat ramai orang miskin di kawasan-kawasan bandar juga.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, jawapan tentang berapa jumlah yang terletak di bandar-bandar saya tidak dapat memberi angka itu dengan tepat tetapi bolehlah saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa projek-projek perumahan awam kos rendah sedang dilaksanakan di bandar mahupun di luar bandar. Ini terpulanglah dari cadang-cadang yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri tentang keperluan dan juga prioriti yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri atas keperluan rumah kos rendah.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Soalan tambahan. Mengikut penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan fasa 3 bagi pekan Baling dalam proses awal dan juga bagi cadangan Kuala Pegang, Kampong Lalang dan Tawar belum ada dalam rekod Kementerian. Bolehkah tidak memandangkan kawasan-kawasan Baling adalah kawasan KESBAN (Kawasan Keselamatan) sekiranya kita kemukakan secara terus kepada pihak Kementerian iaitu bagi 3 rancangan Kuala Pegang, Kampong Lalang dan juga Tawar ini dengan diberitahu kepada peringkat negeri. Adakah pihak Kementerian akan mendapat pertimbangan yang istimewa bagi rancangan tersebut.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menerangkan bahawa bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah jumlah projek yang dirancangan dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan dari segi kemampuan Kerajaan buat masa sekarang adalah memuaskan.

Walau bagaimanapun, saya suka menasihatkan bahawa negeri Kedah telah mencadangkan untuk mengswastakan 4 lagi projek di mana pihak Kementerian tidak mampu untuk memberi perbelanjaan ataupun peruntukan iaitu di Kota Kuala Muda, Tanah Merah, Seberang Jurus dan

Alor Mulai. 4 buah projek ini telah dicadangkan untuk diswastakan. Jadi, saya harap pihak Kerajaan Negeri Kedah kalau memikirkan keperluan projek-projek yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Kuala Pegang, Kampong Lalang dan Tawar, pihak Kerajaan Negeri bolehlah mengkaji untuk mengswastakan 3 buah projek. Bagi Kementerian sendiri tidak mampu untuk menimbangankan projek-projek ini buat masa sekarang oleh kerana risese dan kedudukan kewangan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir)

ANTARTIC KE BANGSA- BANGSA BERSATU

4. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan maksud dan tujuan Kerajaan Malaysia mengambil peranan penting dalam membawa masalah Antarctic ke persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sedangkan kebanyakan negara termasuk kuasa-kuasa besar dunia yang terikat dalam perjanjian Antarctic menentang sikap Kerajaan Malaysia ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah diberi pada 27-10-83 semasa saya menjawab soalan yang hampir serupa dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Suliman.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Suliman tidak hadir.)

MINYAK MENTAH MALAYSIA— NILAI EKSPORT

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan pembahagian eksport minyak mentah Malaysia (di dalam tan metrik) bagi tahun 1982 kepada negara-negara pengimportnya; dan bagaimanakah ramalan jumlah eksport minyak mentah Malaysia (dalam tan metrik) bagi tahun 1982. Beri nilai dalam ringgit Malaysia jumlah hasil penerimaan eksport bagi tahun 1982 dan juga ramalan jumlah nilai dalam tahun 1983.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, bagi tahun 1982 Malaysia mengeksport 12,048,000 tan metrik minyak mentah yang bernilai \$7.76 billion. 5,525,000 tan metrik iaitu 45.8% telah dieksport ke Singapura.

Lain-lain negara pengimport yang utama ialah Jepun sebanyak 3,409,000 tan metrik iaitu 28.3% dan negara Thai 1,309,000 tan metrik iaitu 10.9%.

Pengimport-pengimport lain ialah Amerika Syarikat, Filipina, Korea Selatan, Taiwan, Sri Lanka, Australia, Belanda dan Brunei.

Bagi tahun 1983 eksport minyak mentah Malaysia dianggarkan akan meningkat tetapi belum dapat dipastikan.

Negara-negara pengimport yang utama ialah Singapura, Jepun dan Negeri Thai.

Tiada sebarang minyak mentah dijual ke negara Belanda dan Brunei. Negara-negara Brazil dan Rumania ialah pembeli-pembeli minyak mentah yang baru.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa setakat ini kita telah menjual minyak mentah yang bernilai kira-kira \$7.76 billion.

Saya ingin tahu di manakah PETRONAS meletakkan wang yang dipungut daripada hasil jualan minyak ini sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri.

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu, pada fikiran saya tidak bersangkut.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu setelah kos pengeluaran (cost of production) ditolak apakah keuntungan yang diperolehi dari eksport-eksport tersebut dan di samping minyak mentah bilakah negara kita akan mengeksport finished petroleum products, adakah satu masa tertentu dijangka untuk berbuat demikian.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang nombor 2 itu tidak bersangkut. Sila jawab yang pertama sahaja.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan pertama tentang keuntungan yang diperolehi, saya mohon notis daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jumlah yang dijual itu adakah harganya sama dengan harga OPEC ataupun kurang ataupun lebih dan daripada jualan yang dibuat itu adakah ianya merupakan jumlah yang dirancang ataupun jumlah

yang terpaksa dijual dengan lebih memandangkan harganya kurang daripada harga pasaran atau harga jatuh sekarang ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, oleh sebab mutu minyak mentah yang kita keluarkan adalah lebih tinggi maka harga yang dijual ialah tinggi sedikit daripada harga yang ditetapkan oleh OPEC.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan jumlah minyak mentah yang dieksport ke luar negeri. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah "ranking" atau kedudukan kita dalam dunia ini, jatuh nombor berapakah kita sebagai pengeksport minyak mentah dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menjadi anggota OPEC?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, pengeluaran minyak mentah negara kita adalah kecil kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Jadi sukarlah bagi saya hendak menyatakan tempat yang kita duduki dalam senarai pengeluar-pengeluar minyak di seluruh dunia.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR—POTONGAN PERUNTUKAN

7. **Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa potongan separuh Peruntukan Tahunan Pembangunan Luar Bandar ke daerah-daerah seluruh negara telah menjejaskan rancangan-rancangan pembangunan kawasan luar bandar. Jika sedar, apakah beliau bercadang untuk memulih semula peruntukan seperti tahun-tahun terdahulu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar separuh daripada peruntukan tahunan bagi pembangunan luar bandar telah dipotong sehingga menjejaskan rancangan pembangunan kawasan luar bandar.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan sewajarnya kepada projek-projek yang memberikan menafaat secara langsung kepada kawasan luar bandar.

Bagi tahun 1983 sebanyak \$2,050 juta ataupun 17% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun tersebut adalah bagi rancangan-rancangan pembangunan di kawasan luar bandar. Jumlah ini termasuklah \$1,396 juta bagi projek-projek di bawah sektor pertanian dan \$659 juta bagi kemudahan-kemudahan di luar bandar seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, projek-projek kecil dan sebagainya.

Bagi tahun 1984 pula, peruntukan berjumlah \$1,877 juta akan diperuntukkan iaitu sebanyak \$1,325 bagi sektor pertanian dan sebanyak \$552 juta bagi lain-lain projek di luar bandar. Jumlah ini merupakan kira-kira 22% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun 1984.

Secara keseluruhannya peruntukan yang disediakan bagi projek-projek pembangunan di luar bandar adalah besar jika dilihat dari segi bahagiannya daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun 1983 dan juga 1984.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Selain daripada projek membina jalan, membekalkan bekalan api elektrik dan air paip ke kawasan-kawasan luar bandar, apakah projek-projek

pembangunan luar bandar yang lain di mana peruntukan kewangannya disalurkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, selain daripada agensi-agensi yang ditugaskan khas untuk mengendalikan projek di kawasan luar bandar, ada juga agensi-agensi yang lain seperti MARA, Jabatan Pembangunan Koperasi dan Bahagian Industri Kampung. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada agensi-agensi yang diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada juga Kementerian-kementerian lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dari segi membangunkan kawasan luar bandar.

Bagi rancangan kemajuan tanah dan kemajuan wilayah umpamanya, bagi tahun 1984 sebanyak \$64 juta diperuntukkan dan juga bagi Bahagian Industri Kecil, tanaman tembakau, projek-projek kecil, pembangunan masyarakat dengan pembangunan kampung-kampung tradisional dan ini yang saya sebutkan tadi tidak terletak di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya minta dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri peruntukan sebanyak 17% dalam tahun 1983 daripada perbelanjaan pembangunan adalah untuk pembangunan luar bandar dan 22% bagi tahun 1984 untuk pembangunan luar bandar. Adakah nisbah peratusan itu lebih tinggi atau lebih rendah berbanding dengan peruntukan pembangunan luar bandar bagi Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga yang lepas?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, nisbahnya adalah lebih tinggi tetapi angkanya itu mungkin berkurangan sedikit.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan berhubung dengan masalah peruntukan pembangunan, peruntukan projek-projek kecil yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Daerah yang mana pada satu ketika, pada tahun-tahun yang lalu tiap-tiap seorang Pegawai Daerah mendapat peruntukan sebanyak \$500,000, tetapi pada tahun 1983 cuma mendapat separuh sahaja. Jadi adakah peruntukan kepada pembangunan luar bandar melalui Pegawai Daerah ini datang daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan bagi projek-projek kecil itu datang daripada Jabatan Perdana Menteri dan pada tahun 1983 peruntukan sebanyak \$5 juta diberikan dan untuk tahun 1984 juga \$5 juta peruntukan disediakan.

PELABURAN ASING—MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU

8. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) jumlah pelaburan asing yang sedang menjalankan urusniaga di dalam negara ini; dan
- (b) adakah semua firma-firma perniagaan milik pelabur-pelabur itu telah memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dari sudut pemilikan modal, pekerja mahir dan

separuh mahir iaitu sekurang-kurangnya 30% diberikan kepada Bumiputera.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan:

- (a) sehingga 31hb Disember, 1981 pelabur asing telah menyertai di dalam 1,704 projek perkilangan yang telah diluluskan dan sedang beroperasi. Ini melibatkan modal dibayar sebanyak \$2,862.7 juta dan pelaburan harta tetap sebanyak \$3,462.6 juta.
- (b) Dari segi pemilikan modal, tidak semua syarikat-syarikat milikan pelaburan asing itu telah memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru. Akan tetapi seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan dasar pemilikan modal 30:40:30 di sektor syarikat (corporate sector) adalah berasaskan matlamat keseluruhannya (global basis). Di samping itu pencapaian matlamat ini adalah di dalam konteks ekonomi yang berkembang.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mengikuti dan menyusuli perkembangan syarikat-syarikat ini ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dari segi pengambilan pekerja-pekerja pula, matlamat Kerajaan ialah untuk memastikan syarikat-syarikat ini mengambil pekerja-pekerja Bumiputera di semua peringkat pekerjaan supaya mencerminkan komposisi penduduk berbilang kaum dan bukan setakat 30% sahaja. Bagi syarikat-syarikat perkilangan yang dilesenkan di bawah Akta

Penyelarasan Perindustrian, 1975 syarat ini memang dikenakan di dalam Lesen Pengilang masing-masing dan dari masa ke semasa pegawai-pegawai dari Kementerian ini akan menyiasat kedudukan gunatnaga syarikat-syarikat ini untuk memastikan syarat ini sentiasa dipatuhi.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah badan untuk mengawal pelabur-pelabur asing supaya melatih pekerja tempatan dalam teknik mereka?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang berbuat begitu?

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, daripada pelabur-pelabur asing yang telah melaburkan wang dalam negara kita, apakah jenis pelaburan yang dibuat dan berapakah negara yang terlibat dan berapakah jumlah yang paling besar yang dilaburkan dalam pelaburan ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, pelaburan asing dalam negara ini boleh dibahagikan kepada beberapa sektor. Pertamanya di dalam industri barang-barang getah di mana jumlah modal yang terlibat ialah hampir \$101.6 juta.

Kemudian selain daripada itu di dalam bidang kelengkapan pengangkutan sebanyak \$181.4 juta. Ketiganya dalam bidang elektronik dan peralatan elektrik sebanyak \$164.4 juta dan lain-lain selain daripada itu ialah dalam bidang fabricated metal, dengan izin, dalam bidang perabut elektrik, dalam bidang printing dan machinery, dalam bidang kimia, perkayuan, pelastik, petroleum, bahan-bahan logam dan lain-lain.

Dalam hal soalan yang kedua tentang jumlah pelaburan yang terlibat dan sektor apakah yang diberikan perhatian oleh pihak yang berkenaan. Saya ingin menjelaskan bahawa di dalam hal ini modal yang telah pun dibayar oleh pihak pelabur-pelabur adalah sebagaimana berikut iaitu jumlah pelaburan yang pertama ialah yang tertinggi sekali daripada negara Singapura yang melibatkan modal berbayar sebanyak \$846,862,000.

Kemudian peringkat kedua ialah daripada United Kingdom sebanyak \$506,790,000.

Dalam peringkat ketiga ialah daripada negeri Jepun sebanyak \$484 juta.

Daripada Hong Kong sebanyak \$251.1 juta.

Yang kelimanya daripada Amerika Syarikat sebanyak \$174.6 juta. Dan lain-lain negara mengikuti daftar yang ada di pihak Kementerian ini yang terlibat kesemua ialah sebanyak 30 buah negara, termasuklah Denmark, Australia, Jerman Barat, Switzerland dan lain-lain.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu memerlukan butir-butir lanjut saya akan dapat menyampaikan kepada beliau.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Adakah daripada jumlah \$2,862 juta lebih yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur asing dalam negara kita ini berbentuk wang tunai ataupun merupakan alat jentera ataupun daripada overdraft daripada bank tempatan?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, dalam mana-mana kegiatan ekonomi kesemuanya diambil kira iaitu ada sebahagian daripadanya adalah dari wang tunai, sebahagian darinya adalah

hasil tetap dalam bentuk alatan-alatan dan juga sebahagian besar daripadanya adalah pinjaman daripada luar dan dalam negeri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian berapakah kadar ataupun portion, pohon izin, equity ataupun pelaburan di dalam negara kita sekarang di antara pelabur asing dengan pelabur bukan bumiputera dan pelaburan bumiputera sendiri, sekarang ini. Dan apakah tindakan atau usaha yang positif bagi menjalankan, bagi mengurangkan pelaburan asing dan menambahkan pelaburan dalam negeri terutama kepada pelaburan bumiputera agar negara kita tidak begitu bergantung kepada ekonomi negara asing supaya kita dapat meneguhkan lagi kedudukan ekonomi dalam negara kita.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, mengikut perangkaan sehingga akhir 1980 ini yang boleh dikatakan sah, jumlah pelaburan bagi bumiputera ialah sebanyak \$821.1 juta iaitu merupakan hanya 16% pada keseluruhan pelaburan dalam negara. Ini adalah dalam bidang kumpulan industri dan kumpulan perdagangan yang dilesenkan oleh pihak Kementerian.

Bagi bukan kepada bumiputera dibahagikan kepada dua, iaitu di kalangan masyarakat Cina iaitu sebanyak \$1,329.5 juta merupakan 26% daripada keseluruhan jumlah pelaburan. Dalam kalangan masyarakat India sebanyak \$22.4 juta iaitu 0.4% dan lain-lain, lain daripada bangsa bumiputera, Cina dan India sebanyak \$668.9 juta iaitu sebanyak 13.7% dan dalam bidang pelaburan asing pula jumlah yang terlibat sepertimana yang disebutkan tadi ialah sebanyak 43.9%.

Dalam soalan yang kedua Ahli Yang Berhormat tadi menanyakan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam hendak mengurangkan pelaburan asing. Saya kira tidaklah ada usaha yang kita hendak buat untuk mengurangkan pelaburan asing.

Sebenarnya kita ingin menggalakkan pelaburan asing untuk meneroka dan juga menjalankan kegiatan-kegiatan usahanya di dalam negara kita ini dan langkah-langkah memang sentiasa diambil untuk menarik pelaburan-pelaburan daripada luar negeri untuk melabur dalam negeri. Namun demikian dalam soal hendak menarik pelaburan asing itu kita sentiasa mengambil kira penyertaan kaum rakyat tempatan terutama bumiputera dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

Dalam hal ini saya ingin menjelaskan beberapa dasar Kerajaan yang sedang pun kita amalkan iaitu pertamanya sebagaimana yang telah pun ditentukan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kita memang sentiasa mengharapkan dan juga menegaskan supaya syarikat-syarikat sama ada bumiputera, bukan bumiputera ataupun terutamanya syarikat asing hendaklah sentiasa memahami akan hasrat yang terkandung di bawah Dasar Ekonomi Baru, iaitu seberapa yang boleh walaupun tidak dikenakan syarat dari segi equity, mereka perlulah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menyusun struktur syarikat dan equitinya untuk mencerminkan komposisi kaum dalam negara kita.

Kedua, dalam hal itu beberapa jawatankuasa telah pun dibentuk oleh Kerajaan sendiri, umpamanya Jawatankuasa Pelaburan Asing di mana selain daripada langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penyertaan rakyat asing dalam pelaburan dalam negara ini juga

sentiasa menasihatkan syarikat-syarikat yang telah lama tertubuh dalam negara ini mengambil langkah-langkah yang lebih berani dan lebih bertimbang rasa untuk menyusun semula kedudukan syarikatnya dan juga mengambil langkah-langkah seberapa yang boleh untuk Malaysianisekan, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, operasi yang telah pun mereka jalankan dalam negara kita.

Selain daripada itu saya ingin menerangkan bahawa ada 3 kategori, jenis syarikat yang saya sudah pun ditubuhkan di dalam negara kita terutama yang diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Iaitu pertamanya syarikat yang dikenakan syarat untuk dipatuhi oleh mereka itu sebagaimana yang terkandung di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian di mana ditekankan di dalam segala kegiatan yang dilesenkan hendaklah memberikan kesempatan kepada rakyat tempatan terutama bumiputera untuk menyertai dalam kegiatan-kegiatan mereka itu.

Yang kedua, syarikat yang tidak dikenakan syarat ini seperti syarikat yang 100% bertujuan untuk mengeksport hasil barangan mereka. Dan 100% daripada itu saham modal itu adalah dimiliki oleh pelaburan asing, tidak dikenakan syarat untuk menyusun semula. Tetapi sebagaimana yang saya tegaskan tadi mereka diharapkan dalam masa-masa yang dikirakan menasabah untuk mengambil langkah-langkah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Dan ketiga, syarikat yang telah pun beroperasi sebelum daripada Akta Penyelarasan Perindustrian itu dilaksanakan. Kalau itu, sebahagian besar daripadanya tidak dikenakan syarat apa-apa malahan mungkin hanya 10% sahaja perlu diberikan kepada masyarakat tempatan. Itu juga dikenakan syarat sekiranya mereka itu

mengadakan langkah-langkah untuk pembesaran maka dalam proses expansion ataupun pembesaran itu mereka perlu mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa kaum bumiputera terutamanya dan masyarakat Malaysia dapat mengambil kesempatan dalam projek-projek pembesaran tersebut.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Panjang jawapan tadi, tetapi ada juga lagi sedikit yang saya hendak tahu.

Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nyatalah bahawa kita masih jauh daripada matlamat 30% untuk hendak mencapai dalam bidang perdagangan, iaitu kita baru capai 16% pada peringkat ini sedangkan kita ada tujuh tahun lagi untuk mencapai tahap tempoh tarikh Dasar Ekonomi Baru.

Saya hendak bertanya secara terusterang, apa sebenarnya masalah besar yang menyebabkan pihak syarikat asing atau syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Penyelarasan Perdagangan ini enggan memindahkan sebahagian daripada saham mereka kepada bumiputera. Apakah sebabnya kerana mereka sengaja tidak mahu atau kerana bumiputera tidak ada modal untuk membeli equity dalam syarikat-syarikat ini.

Tuan Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, kajian sudah pun dibuat dan akan terus dibuat oleh pihak Kementerian untuk mengkaji sebab-sebab mengapa sebahagian besar daripada equiti yang telah pun ditentukan untuk dibagikan kepada Bumiputera itu tidak dilaksanakan. Kita telah mendapati sebahagian ataupun sebab-sebab yang menyebabkan perkara itu tidak dapat dilaksanakan, pertamanya kesungguhan dan keikhlasan daripada syarikat-syarikat asing umpamanya

dalam hendak melaksanakan syarat yang telah pun kita tentukan. Kebanyakan daripada mereka memberi tahu bahawa mereka tidak dapat mencari rakan-rakan perkongsian di kalangan Bumiputera untuk membeli saham-saham yang telah pun dikhaskan bagi kaum Bumiputera kerana tidak terdapat banyak badan-badan syarikat-syarikat Bumiputera mampu mengambil bahagian sebahagian besar daripada equiti yang ditentukan.

Soal kedua juga daripada kalangan kaum Bumiputera sendiri kita dapati walaupun peruntukan dan syarat-syarat dikenakan dari segi equiti mereka tidak dapat memilikinya kerana mungkin sebahagiannya disebabkan kerana kekurangan modal sendiri. Dan banyak faktor-faktor yang lain sebagaimana Yang Berhormat mungkin sedia maklum. Oleh sebab itu langkah-langkah positif kearah itu sudah pun diambil oleh pihak Kementerian terutama bagi syarikat-syarikat yang dikenakan syarat di bawah Akta Penyelarasan dan Perindustrian dan sekarang ini kita sedang mengambil tindakan tegas menentukan supaya syarikat-syarikat yang dikenakan syarat itu mematuhi syarat-syarat yang telah pun ditentukan dalam tempoh yang dianggap munasabah, iaitu tidak mestinya dalam masa setahun ataupun dua kalau dikira operasi itu memerlukan masa yang agak panjang untuk mereka mendapatkan keuntungan, kita akan mengenakan syarat tempoh yang dianggapkan munasabah.

Yang kedua, untuk menggalakkan Bumiputera menceburkan diri dalam bidang pemilikan saham ini kita telah pun membentuk sebuah Jawatankuasa Bertindak Pelaburan Bumiputera di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian baharu tiga empat bulan yang lepas dan sekarang ini sedang menyusun program-program untuk

mengenalpasti, pertamanya bakal-bakal pelabur Bumiputera yang dianggap berpotensi untuk mengambil bahagian dalam equiti syarikat-syarikat yang ditawarkan.

Yang ketiganya, kita mengenalpasti pula syarikat-syarikat yang sudah pun dikenakan syarat tetapi tidak mematuhi dan ia telah berjalan dengan cara yang menguntungkan, dan ini sedang pun kita hebahkan kepada seluruh masyarakat Bumiputera untuk menyertai dalam program tersebut.

Yang keempat, sebagai langkah tambahan kita menyedari soal yang pokok ialah soal kekurangan modal. Kita juga sudah bentuk sebuah Jawatankuasa Penal Penasihat Pelaburan yang terdiri daripada pihak bank-bank tempatan, bank-bank milik Kerajaan dan institusi kewangan untuk membantu kemungkinan Bumiputera yang ingin menyertai tetapi tidak mencukupi modal dan mungkin dengan cara itu dapat diberi bantuan daripada Penal Penasihat yang telah pun kita tubuhkan itu.

JAMBATAN PULAU PINANG— KONTRAKTOR BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerjaya menyatakan:

- (a) bilangan kontraktor-kontraktor yang ditawarkan kontrak berkaitan dengan projek Jambatan Pulau Pinang; dan
- (b) memberikan perpecahan mengenai bilangan kontraktor-kontraktor bumiputera, bukan bumiputera dan asing yang terlibat dan nyatakan nilai kontrak-kontrak yang diberi kepada setiap golongan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):
Tuan Yang Dipertua, untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini 7 pekerja daripada 9 yang dicadangkan untuk projek Jambatan Pulau Pinang telah diserahkan untuk dilaksanakan melalui 7 kontrak yang melibatkan 6 pemborong utama selain daripada beberapa pemborong yang diberi sub-kontrak.

Dari jumlah itu, tiga kontraktor Bumiputera telah pun diberi kerja, satu daripadanya diberi kontrak package 2 dan 2 kontraktor yang lain terlibat dengan secara usahasama dengan kontraktor asing dan kontraktor tempatan bagi package 3, 4, 5, 6 dan 7. Jumlah nilai kerja bagi kontraktor-kontraktor tersebut adalah sebanyak \$192.9 juta.

Bagi kontraktor bukan Bumiputera pula seramai 2 kontraktor telah diberikan kerja. Satu kontraktor diberi kontrak Package 1 dan lagi satu dengan cara usahasama dengan kontraktor-kontraktor Bumiputera dan asing bagi package 3, 4 dan 5. Jumlah nilai kerja bagi package-package tersebut adalah sebanyak \$44.5 juta.

Cuma satu kontraktor asing sahaja telah diberi kerja bagi package 3, 4, 5, 6 dan 7 iaitu dengan cara usahasama dengan kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera. Nilai kontrak tersebut adalah berjumlah \$498.8 juta. Di samping itu syarikat-syarikat asing dan syarikat-syarikat usahasama dengannya telah pula melantik beberapa sub-kontraktor tempatan bagi kerja-kerja tertentu yang bernilai lebih daripada \$11 juta.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menamakan kontraktor-kontraktor tersebut khususnya kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera. Dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada projek Jambatan Pulau Pinang ini akan

disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan dan adakah kos keseluruhan projek ini ditambah baharu-baharu ini.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, nama-nama kontraktor ialah seperti berikut:

Bumiputera—Maraputra Sendirian Berhad; Hashbudin Sendirian Berhad; Pembinaan Rahim Sendirian Berhad.

Bukan Bumiputera—Loo dan Loo Construction Company; dan Lim Kha Bee Sendirian Berhad.

Yang asing—Hyundai Engineering Construction.

Mengikut keadaan pada hari ini projek Jambatan ini akan siap seperti dijangkakan melainkan kerja-kerja luar daripada jambatan itu sendiri yang berkaitan. Harganya pula buat masa ini kontrak-kontrak yang telah diberi itu telah pun berjalan dengan harga yang telah diberi tetapi mungkin kerja-kerja yang berkaitan yang bersangkutan dengan jambatan ini akan diberi kontraknya di kemudian hari kelak akan bertambah ataupun berkurangan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa kontraktor asing Hyundai, adakah Kementerian berkenaan berpuas hati bahawa kontraktor Hyundai yang dapat beratus juta ringgit kontrak itu ada memindahkan teknologi dalam kerja ini. Yang kedua, bahawa adakah kursus khas untuk melatih orang-orang tempatan dalam berbagai bidang yang mereka tidak mahir.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, bagi Kementerian saya, kami adalah berpuas hati dengan keadaan yang ada dalam tempat projek ini dengan sedikit sebanyak ada pemindahan teknologi di samping ada kerjasama antara kontraktor-kontraktor tempatan yang

bekerja berkecimpung sama dengan kontraktor asing ini. Dari segi training pula memang dalam kontrak telah pun diminta supaya satu training school dibiayai oleh pihak kontraktor asing dan diawasi oleh pihak Kementerian Buruh.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang penghabisan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu iaitu adakah benar bahawa syarikat asing ini menganggap bahan-bahan tempatan keluaran di Malaysia seperti simen dan batu-batu tidak sesuai bagi projek ini dan berusaha mengimport bahan-bahan ini daripada luar negara Malaysia.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, itu tidak benar.

BIL TELEFON—SUNGUTAN

10. Wan Zainab bin M. A. Bakar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos beri penjelasan tentang sungutan-sungutan terhadap bayaran perkhidmatan telefon yang dikatakan terlalu tinggi. Setelah tindakan diambil oleh pihak Kementerian sungutan-sungutan tersebut pun lenyap. Tetapi sejak kebelakangan ini sungutan-sungutan tersebut timbul dan oleh yang demikian apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang Dipertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya telah menjawab soalan ini semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 19hb Oktober dan soalan Ahli Yang

Berhormat dari Lumut pada 10hb Oktober di Dewan yang mulia ini dan saya tidak mempunyai apa-apa tambahan lagi.

KEMUSNAHAN BATU-BATU KARANG

11. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab berlaku kemusnahan terhadap batu-batu karang di perairan Pulau Perhentian dan Pulau Redang. Tidakkah kemusnahan ini mengancam kehidupan laut dan hasil ekonomi nelayan-nelayan tempatan dan menjejaskan rancangan mengadakan taman kehidupan laut di kawasan berkenaan. Apakah langkah-langkah berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, kemusnahan batu-batu karang adalah disebabkan oleh penggunaan alat-alat letupan untuk menangkap ikan dan memungut batu-batu karang. Adalah benar kemusnahan tersebut mengancam kehidupan laut dan akibatnya kehidupan nelayan akan juga terjejas. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Pertanian akan mewujudkan kawasan simpanan laut (marine reserve) di kawasan batu karang untuk melindungi sumber-sumber hidup di perairan pulau-pulau yang berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat kawasan perairan Pulau Redang telah pun diisytiharkan pada 13hb Oktober, 1983 sebagai kawasan simpanan laut.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Batu karang adalah merupakan taman bagi hidupan laut yang asli. Jika diambil ianya boleh dijadikan bahan-bahan hiasan yang boleh menambahkan pendapatan kaum nelayan. Tetapi pembiakan ikan akan menjadi kurang.

Soalannya adakah Kerajaan bercadang untuk membuat ataupun mewujudkan taman-taman hidupan laut di perairan negara ini. Jika ada, apakah bahan-bahan yang akan digunakan, adakah bot-bot buruk yang tidak dipakai lagi itu boleh digunakan untuk tujuan mewujudkan taman hidupan laut ini ataupun tayar-tayar buruk boleh digunakan untuk tujuan ini.

Soalan kedua, selain daripada kawasan Pulau Redang di manakah lagi kawasan-kawasan perairan di dalam negara ini yang telah dijadikan oleh Kerajaan sebagai kawasan simpanan laut seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, para nelayan pun telah dengan kerjasama MAJUIKAN atau Lembaga Kemajuan Ikan mengadakan tempat-tempat permainan untuk ikan dengan menggunakan tayar-tayar buruk dan sebagainya. Ini akan diteruskan.

Berkenaan dengan soalan kedua, Kementerian Pertanian sekarang memberi perhatian kepada Pulau Perhentian dan Pulau Langkawi sebagai pulau-pulau yang mungkin diisytiharkan juga sebagai kawasan-kawasan simpanan laut.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya minta hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan mewujudkan taman kehidupan laut. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan bahawa kawasan ini telah digezetkan pada 13hb Oktober, tetapi tidak diterangkan pula apa yang dimaksudkan dengan taman kehidupan laut dan apa yang terlibat untuk perlaksanaan. Adakah cukup dengan gezet kemudian itu kita akan mewujudkan satu taman laut.

Yang kedua, berkenaan dengan kerosakan batu-batu karang oleh kegiatan megebom. Jikalau tiada enforcement yang berkesan tentulah kejadian ini akan berterusan. Jadi adakah dengan terlaksananya taman hidupan laut ini enforcement yang berkesan akan dibuat dan bagaimana?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, sebelum perisytiharannya Kerajaan pun adalah sedikit sebanyak kuasa, misalnya di bawah Akta Perikanan untuk bertindak terhadap nelayan-nelayan yang menggunakan alat-alat letupan untuk menangkap ikan dan sebagainya. Dengan adanya perisytiharan ini Kerajaan telah dilengkapi dengan kuasa tambahan. Misalnya, sesiapa yang mengambil batu karang keluar dari kawasan yang diisytiharkan sebagai simpanan laut akan diambil tindakan oleh pihak berkuasa dan juga para nelayan yang menangkap ikan di situ akan dikawal dengan lebih rapat lagi oleh Jabatan Perikanan supaya batu-batu karang tidak dimusnahkan oleh pukuk-pukuk yang dipakai oleh para nelayan.

UNIVERSITI KEENAM— MENEMPATKAN

12. Dr Koh Tsu Koon: minta Menteri Pelajaran menerangkan sebab-sebabnya menempatkan universiti yang keenam di Bukit Kayu Hitam, Kedah. Apakah anggaran belanjawan pembangunan permulaan (initial development expenditure) bagi universiti ini. Apakah anggaran bilangan kemasukan pelajar bagi 3 tahun yang permulaan dan apakah bidang-bidang pengkhususan yang akan ditawarkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah memutuskan bahawa kampus tetap universiti keenam ialah di Sintok, di sebelah utara Kedah bukan di Bukit Kayu

Hitam mengikut soalan dan kampus sementaramya ialah di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah. Rancangan memilih negeri Kedah sebagai tapak universiti keenam adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengimbangkan penaburan institusi-institusi pelajaran tinggi dan kampus-kampus cawangannya di serata tanah air. Umpamanya, Universiti Teknologi Malaya, dirancang untuk ditempatkan di Johor, Universiti Islam Antarabangsa di Pahang; Universiti Kebangsaan Malaysia di Selangor; Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Sarawak dan Terengganu; Kampus Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia di Sabah; Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia dan Akademik Islam Universiti Malaya di Kelantan. Penempatan kampus Universiti Keenam di utara Kedah adalah merupakan sebahagian dari langkah-langkah strategik sosio-ekonomi untuk membangunkan wilayah utara Semenanjung Malaysia yang masih belum maju di samping menyumbangkan ke arah usaha pemulihan keselamatan di kawasan sempadan. Anggaran Belanjawan pembangunan permulaan bagi universiti ini ialah kira-kira \$50 juta. Anggaran bilangan kemasukan pelajar bagi tiga tahun permulaan adalah antara 300-400 orang tiap-tiap tahun. Bidang-bidang pengkhususan yang akan ditawarkan ialah pentadbiran perniagaan, pentadbiran awam, ekonomi dan perakaunan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah universiti ini dijangka akan bermula berfungsi dengan pengambilan kumpulan pelajar yang pertama di kampus sementara dan bilakah akan berpindah pula ke kampus yang tetap.

Yang kedua, adakah Kementerian telah menubuhkan sebuah

Jawatankuasa khas untuk merancang universiti ini yang akan menjadi juga teras jentera pentadbiran nanti bagi universiti baru ini dan siapakah pegawai-pegawai utama yang dipertanggungjawabkan untuk tugas ini.

Yang ketiga, adakah universiti akan menarik atau mencuri kakitangan akademik dari universiti-universiti tempatan yang lain dalam usahanya untuk mewujudkan sebuah universiti yang keenam ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, universiti ini akan bermula pada sesi tahun 1984 dan mengikut projection sekarang kita akan berada di kawasan sementara selama 6 tahun yang mana kita akan berpindah ke kawasan tetap.

Soalan ketiga dahulu, sama ada dalam rangka sekarang kita akan mengikut kata-kata Ahli Yang Berhormat itu "mencuri" tenaga-tenaga daripada universiti yang ada. Saya ingin menyatakan di sini memang di peringkat permulaan kita memerlukan beberapa pensyarah-pensyarah yang mempunyai pengalaman untuk membantu menggerakkan kejayaan akademik di universiti ini. Ini tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, bagi pensyarah-pensyarah yang lain ini akan diiklankan dan kita akan mengambil seboleh-bolehnya pensyarah-pensyarah daripada luar universiti yang ada. Tetapi ini tidak bermakna bagi pensyarah-pensyarah yang berminat untuk bertugas di universiti keenam ini tidak akan diberi perhatian.

Bagi soalan kedua tadi, apakah peringkat persediaan dari segi jentera yang dilaksanakan? Saya ingin memberi tahu di sini dari segi pengendalian penubuhan universiti, Kementerian ada menubuhkan tiga Jawatankuasa besar. Satu, Jawatankuasa Pemandu yang

dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri; satu lagi Jawatankuasa Pembangunan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri; dan satu Jawatankuasa Akademik (dan Kurikulum) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran. Dalam Jawatankuasa ini pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat daripada Naib Canselor-Naib Canselor dari universiti-universiti tempatan, juga diambil kira dan bersama mendapat disumbangkan.

Setakat pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas secara langsung, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita telah pun melantik seorang Pegawai Penyelaras Projek atau Koordinator Projek secara penuh masa yang mana beliau ini dibantu oleh sebuah Badan Petugas yang mengandungi 6 lagi pegawai-pegawai. Jadi, mereka ini sedang bekerja penuh masa untuk menyelaraskan segala perkara-perkara yang perlu bagi penubuhan Universiti ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, dalam pemilihan tempat untuk universiti keenam, adakah Kerajaan menimbangakan pilihan Sarawak untuk menempatkan universiti keenam yang sebenarnya harus mengadakan sebuah universiti yang sepenuhnya dan bukan satu cawangan universiti yang ada sekarang, cawangan Universiti Pertanian oleh kerana ini akan mempereratkan pertalian rakyat di kedua-dua bahagian negara kita, dan juga untuk mengatasi perasaan rakyat Sarawak bahawa mereka diabaikan dalam berbagai pembangunan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya telah nyatakan yang sebenarnya dalam membuat keputusan untuk mewujudkan universiti keenam ini di Kedah, kita telah pun mengambil semua perkiraan. Seperti saya katakan tadi oleh kerana di Sarawak sudah pun

ada sebuah cawangan universiti yang besar yang mana kita tahu mungkin cawangan universiti ini pada satu masa kelak, jika sealiran dengan keperluan tenaga negara dan jika sealiran dengan keperluan penambahan universiti-universiti yang lain, maka cawangan ini juga boleh ditingkatkan kepada peringkat sebuah universiti.

Jadi, saya ingin menyarankan di sini masalah kita mengabaikan perasaan orang-orang di Sarawak itu tidak timbul kerana perkiraan dan tinjauan sudah pun dibuat dalam hal ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, oleh kerana universiti ini akan dibuka pada tahun hadapan, adakah setakat ini Kementerian ini telah mempunyai cukup tenaga pengajar yang dilatih dan adakah telah pun diambil sekarang ini dan apakah Universiti ini akan menggunakan sistem "semester" ataupun sistem sebagaimana universiti Malaya dahulu dan saya amat bersetuju universiti ini ditempatkan di Kubang Pasu tetapi tidak di Sarawak kerana pilihanraya Sarawak tidak lama lagi dan diharap tidak juga di Kota Melaka, Tuan Yang Dipertua.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya sudah menjelaskan tadi sedikit sebanyak mengenai keperluan tenaga pengajar. Selain daripada itu saya ingin menambah maklum di sini bahawa dari masa ke semasa memang pihak Universiti, pihak JPA, pihak Kementerian Pelajaran, sentiasa sahaja menghantarkan pelajar-pelajar kita untuk meningkatkan ilmu di peringkat "post-graduate" yang mana apabila pelajar-pelajar ini lulus mereka boleh diambil untuk menjadi tenaga pengajar di universiti ini.

Mengenai sistem akademik, setakat ini kita rancangkan supaya sistem

"semester" digunakan. Selain daripada itu saya tidak dapat menjawab komen sama ada di Kota Melaka pun kita hendak mengadakan universiti dan sebagainya kerana itu bukan soalan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5 dan 13 hingga 15 adalah diberi di bawah ini)

PEGAWAI PENILAI TERLATIH

3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa beberapa orang pegawai penilai yang terlatih daripada Kementerian beliau telah letak jawatan untuk bekerja dengan firma-firma penilai, apakah cara-cara yang beliau akan ambil untuk menarik minat pegawai-pegawai penilai yang masih berkhidmat dengan Kementerian supaya mereka terus berkhidmat dengan Kementerian sehingga mereka bersara, kerana mereka terdiri daripada golongan yang amat kurang bilangannya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Pada masa sekarang Pegawai Penilaian yang bertugas dengan Kerajaan menerima gaji setanding dengan rakan-rakan sejawatnya dalam golongan perkhidmatan profesional dan teknikal yang lain. Di samping itu, dalam tahun 1980 suatu penyusunan semula struktur berkenaan telah dijalankan di mana 31 jawatan telah dinaikkan taraf. Pada masa sekarang hanya 4 jawatan Pegawai Penilaian sahaja yang kosong.

Seterusnya bagi mengatasi kekurangan bilangan pegawai terlatih di bidang ini pihak Universiti Teknologi Malaysia serta Institiut

Teknologi MARA sedang berusaha melatih lebih kurang 60 orang pelajar tiap-tiap tahun yang akan berkelayakan profesional untuk jawatan Pegawai Penilaian. Insyaallah mulai 1984 semua jawatan-jawatan pegawai profesional dalam Bahagian Penilaian akan dipenuhi.

RISDA—KES PENYELEWENGAN

5. Tuan Abdul Raman bin Suliman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) oleh kerana sejak akhir-akhir ini kes-kes penyelewengan telah mendapat perhatian Menteri khususnya di RISDA, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan berapa banyakkah kes-kes penyelewengan yang telah dibawa ke Mahkamah yang telah diputuskan dan yang masih di dalam perbicaraan;
- (b) berapa orang Pegawai dan kakitangan RISDA yang telah dikenakan tindakan dan jenis tindakan;
- (c) kenapakah Yang Berhormat Menteri memutuskan untuk menjual kembali alat-alat kelengkapan penggambaran yang bernilai \$4,000,000 (empat juta) yang telah dibeli oleh RISDA, tidakkah satu kajian yang teliti telah dibuat sebelum pembelian ini dilakukan; dan
- (d) apakah pendekatan yang telah dan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri bagi mengelakkan perkara-perkara seperti ini tidak berlaku lagi, khususnya di RISDA dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):

- (a) Untuk makluman Yang

Berhormat, bahawa kes-kes penyelewengan yang melibatkan pentadbiran RISDA yang telah dibawa ke Mahkamah ialah sebanyak 5 kes. Satu kes telah diputuskan oleh Mahkamah, satu kes lagi masih di dalam pembicaraan, manakala 3 kes lagi akan dibicarakan.

(b) Lima orang pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan kes-kes tadi seorang daripadanya telah dihukum penjara dan membayar denda. Belum ada keputusan lagi yang diterima mengenai empat orang pegawai dan kakitangan lain. Tetapi keempat-empat mereka telah digantung kerja oleh Lembaga Tatatertib RISDA. Tindakan selanjutnya akan diambil setelah mendapat keputusan Mahkamah.

(c) Alat-alat penggambaran/perfileman yang tidak diperlukan oleh RISDA berjumlah lebih kurang 1.1 juta dan bukan 4 juta sebagaimana yang disebutkan oleh Y.B. Tuan Abdul Raman bin Suliman. Kajian yang teliti telah dibuat mengenai pembelian alat-alat perfileman itu. Tujuan membeli alat-alat itu ialah untuk membuat filem bagi kegunaan aktiviti-aktiviti Pengembangan RISDA. Berikutan dengan penyusunan semula RISDA dan selaras dengan langkah berjimat Kerajaan berikutan dengan keadaan ekonomi yang meleset, kerja-kerja perfileman sewajarnya dijalankan oleh Jabatan Filem Negara ataupun Syarikat-syarikat Perfileman lain. Lagi pula RISDA tidak mempunyai kepakaran untuk membuat filem.

(d) Pendekatan yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan berlakunya perkara seperti ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berkehendakkan agensi-agensi di bawah Kementeriannya mengkaji dengan teliti satu-satu aktiviti atau program atau projek atau pembelian alat-alatan sebelum dilaksanakan. Pengkajian dan

keputusan itu hendaklah dikemukakan terlebih dahulu untuk pertimbangan dan kelulusan Kementerian. Kementerian pula akan menilai dan mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak yang berkenaan sebelum memberi keputusan yang muktamad kepada agensi yang berkenaan. Dengan ringkasnya pendekatan yang dimaksudkan ialah dengan cara mengkaji sesuatu projek itu dengan rapi sebelum sesuatu keputusan dibuat.

RASUAH PEGAWAI-PEGAWAI KASTAM

13. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar kegiatan rasuah dikatakan berleluasa di antara pegawai-pegawai Kastam di Johor Bahru dan apakah tindakan berkesan yang telah diambil untuk memperbaiki imej Kerajaan yang bercorak "bersih, cekap dan amanah".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Adalah tidak dinafikan kegiatan rasuah memang berlaku di kalangan pegawai dan kakitangan Kastam. Walau bagaimanapun, ianya adalah pada peringkat terkawal. Langkah-langkah yang positif yang sedang dilaksanakan untuk mengurangkan penyelewengn di kalangan pegawai dan kakitangan Kastam adalah seperti berikut:

- (i) memberi amaran tegas dan mengadakan penyeliaan yang ketat terhadap pegawai bawahan dengan mengadakan pemeriksaan mengejut yang dilakukan oleh pihak pegawai atasan dari masa ke semasa;
- (ii) menubuhkan satu pasukan petugas di Ibu Pejabat dengan menggunakan pegawai-pegawai daripada Pasukan Khas untuk mengadakan

- pemeriksaan mengejut, menyasiat dan sebagainya di seluruh negara;
- (iii) mengetatkan peraturan-peraturan kerja dan memberi latihan yang lebih berkesan di Maktab Latihan Kastam dan Eksais Di Raja, Melaka;
- (iv) memasukkan unsur-unsur Islam dalam kurikulum latihan di Maktab Latihan Kastam dan Eksais Di Raja, Melaka;
- (v) menukarkan pegawai-pegawai kastam yang disyakki ke tempat-tempat lain di mana mereka boleh diawasi dengan berkesan; dan
- (vi) memberi amaran tegas kepada wakil-wakil penghantaran dan juga pihak pengangkutan yang didapati memberi rasuah bahawa tindakan undang-undang dan melucutkan kebenaran menjadi wakil penghantaran akan diambil.

PENCEMARAN AIR SUNGAI DI SARAWAK

14. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar kebanyakan sungai di Sarawak seperti Sg. Mujong, Sg. Paku, Sg. Melinau, Sg. Oyan dan lain-lain di Bahagian Ketujuh Sarawak telah mengalami kekotoran oleh sebab syarikat-syarikat yang membalak. Juga kebanyakan daripada sungai-sungai itu airnya tidak dapat diminum dan sebagainya. Apakah tindakan Kementerian tersebut sekarang dan akan diambil terhadap masalah ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Saya memang sedar bahawa beberapa buah sungai seperti Sg.

Mujong, Sg. Paku, Sg. Melinau, Sg. Oyan dan lain-lain dalam Bahagian Ketujuh Sarawak adalah nampaknya tercemar akibat aktiviti-aktiviti pembalakan dijalankan di beberapa buah kawasan bukit-bukau di kawasan hulunya. Dalam hubungan ini Jabatan Perhutanan Negeri, Sarawak telah mengeluarkan arahan kepada semua pengusaha pembalakan supaya berhati-hati setiap masa dan mengambil tindakan tertentu bagi mengurangkan masalah pencemaran sejauh mana yang boleh. Setakat ini, Kementerian saya tidak pernah menerima laporan dari mana-mana agensi Kerajaan mengenai berlakunya pencemaran sehingga menjejaskan kesihatan.

Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah pun menyediakan garis-garis panduan bagi mencegah hakisan dan kelodakan dan terpulanglah kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil tindakan sewajarnya.

BANTUAN PERIKANAN AIR TAWAR

15. Datuk Alfred Jabu anak Numpang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada bantuan perikanan air tawar dan kolam ditambah. Ini disebabkan lebih ramai lagi penduduk di luar bandar ingin menternak ikan sebagai sumber protin. Bantuan yang dimaksudkan adalah seperti mesin pengorek (mechanical excavator/dragline) dan traktor (tractor) untuk membuat kolam dan bantuan untuk membeli bibit—"anak ikan" jenis yang baik seperti jelawat, leekoh, carp cina, patin dan sebagainya.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Bagi negeri-negeri di Semenanjung bantuan untuk perikanan air tawar tidak ditambah. Bagi Negeri Sarawak pula, Kerajaan Pusat tidak menyediakan apa-apa

peruntukan oleh kerana hal ehwal perikanan air tawar adalah di bawah tanggungan Kerajaan Negeri. Oleh itu apa-apa peruntukan yang diberi adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri.

**PENERANGAN SENDIRI
OLEH Y.B. AHLI DARI
ULU PADAS DI
BAWAH S.O. 14 (1) (1)**

Tanah di Pulau Labuan

3.35 ptg.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Ulu Padas): Tuan Yang Dipertua, pada 31hb Oktober yang lalu Ahli dari Sandakan telah menyatakan di Dewan ini bahawa saya memiliki 70% tanah di Pulau Labuan. Ahli berkenaan juga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hendaklah mengeluarkan perintah pengambilan tanah meliputi seluruh tanah saya di Labuan supaya nilai harta tidak akan menjulang tinggi hasil dari cadangan mengisytiharkan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Ahli berkenaan juga menyatakan bahawa jika cadangan tersebut menguntungkan saya, maka saya harus mengisytiharkan kepentingan kewangan saya dalam perkara ini. Dia membuat tuduhan yang berat terhadap diri saya.

Dengan tegasnya saya menafikan bahawa 70% daripada tanah di Pulau Labuan kepunyaan saya. Jumlah kawasan Pulau Labuan ialah seluas 8,752 hektar dan saya hanya mempunyai sejumlah 147.88 hektar atau tidak lebih dari 2%. Dengan demikian Ahli dari Sandakan telah sengaja berbohong untuk mengelirukan Dewan ini.

Kenyataan yang saya memiliki 70% daripada Pulau tersebut adalah dalam fitnah jahat dan liar. Ahli dari Sandakan telah membuat tuduhan yang serius terhadap saya dan dengan demikian dia seharusnya diminta membuktikan tuduhan-tuduhannya. Sekiranya dia tidak dapat membuktikan tuduhan-tuduhannya, maka dia mesti menarik balik dan meminta maaf kepada Dewan ini. Sekiranya Ahli dari Sandakan itu gagal untuk menarik balik segala tuduhannya di Dewan ini, maka saya mencabar dia supaya mengulangi tuduhan tersebut di luar Dewan yang tidak dilindungi oleh hak keistimewaan Parlimen supaya saya boleh mengambil tindakan undang-undang untuk membersihkan nama saya. Sekiranya Ahli dari Sandakan gagal untuk menarik balik tuduhan-tuduhan yang dibuatnya di Dewan ini dan enggan mengulanginya di luar Dewan, maka saya akan menggesa Dewan yang mulia ini supaya merujuk dia kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Dewan yang seharusnya mengambil tindakan yang difikirkan wajar. Ianya bukanlah sekadar menentukan siapakah yang bercakap benar tetapi Ahli dari Sandakan telah pun membuat tuduhan yang berat terhadap saya yang mesti dia buktikan kebenarannya. Jika dia gagal untuk membuktikan tuduhannya itu, maka Dewan hendaklah menghukum dia kerana mengelirukan Dewan dan menyalahgunakan keistimewaan Dewan.

Tuan Yang Dipertua, saya dilahirkan di Pulau Labuan dan mewarisi sedikit harta pusaka. Saya juga telah membeli sedikit tanah di Pulau tersebut sama seperti orang-orang lain sahaja selepas Perang Dunia Kedua. Saya tidak ada mempunyai kepentingan kewangan istimewa dalam cadangan menjadikan Labuan Wilayah Persekutuan, sebagaimana yang didakwa oleh Ahli dari Sandakan

kecuali faedah-faedah biasa yang juga diterima atau dinikmati oleh warganegara Malaysia yang lain.

Bagi dia mengatakan sedemikian adalah bercanggah dengan kenyataan yang sebenar bahawa saya secara peribadi mendapat faedah dari cadangan tersebut. Ia adalah merupakan tuduhan yang melulu (*Tepuk*).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Kewangan dan Kementerian Perusahaan Awam telah diluluskan di dalam Jawatankuasa seluruh Dewan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Kewangan dan Kementerian Perusahaan Awam telah diluluskan di dalam Jawatankuasa seluruh Dewan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kesyepuluh).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 30, B. 31, B. 32, B. 33 dan B. 34 (Jadual)—

Maksud P. 30, P. 33 dan P. 66 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 30 sehingga B. 34 dan Maksud Pembangunan P. 30, P. 33 dan P. 66 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.41 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B. 30, Butiran Kod 1100—Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran Am, (a) Pentadbiran diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tuan Pengerusi, saya mencadangkan

usul ini yang bertujuan memotong gaji Menteri Kewangan sebanyak \$10 sebagai membantah sekeras-kerasnya cara Kerajaan telah mengendalikan setakat ini skandal pinjaman \$2,500 juta Bumiputra Malaysia Finance (BMF) di Hong Kong. Disebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Kementerian Kewanganlah yang bertanggungjawab ke atas Bank Bumiputra dan BMF dan bukan Jabatan Perdana Menteri, maka saya kini mencadangkan usul ini untuk memotong gaji Menteri Kewangan dan bukan gaji Perdana Menteri.

Cara Kerajaan mengendalikan skandal BMF telah discreditkan sama sekali kedua-dua cogan kata popular pentadbiran sekarang yakni Kerajaan "Bersih, Cekap dan Amanah" dan "Pimpinan Melalui Tauladan". Sehingga sekarang Kerajaan tidak mahu memberi satu laporan kepada Parlimen mengenai skandal BMF dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan hanya memberi lip-service kepada prinsip demokrasi berparlimen.

Apa yang menjadi lebih serius ialah Kerajaan tidak mahu menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menjalankan satu penyiasatan awam yang meluas ke dalam skandal BMF. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dilaporkan sebagai berkata pada 22hb Oktober lalu yang Kerajaan sedang menimbang kemungkinan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja tetapi seminggu kemudian di Labuan, beliau telah gosan balik dan menafikan yang beliau telah berkata demikian dan beliau seterusnya mengumumkan bahawa Kerajaan tidak berniat menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja. Beliau berkata bahawa Kerajaan akan menjalankan siasatannya sendiri ke dalam skandal BMF.

Pemuda UMNO yang sekian lama membanggakan dirinya sebagai berdiri di barisan hadapan menentang segala jenis pengkhianatan dan penyelewengan amanah wang awam telah bersikap begitu "timid" atas skandal BMF. Mereka telah menganjurkan satu rapat umum mengenai krisis Perlembagaan tetapi ia berfikir skandal BMF tidaklah begitu penting untuk menganjurkan satu rapat umum khusus baginya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Hussein bin Mahmud: Saya ingin minta penjelasan kalau dapat. Apakah Yang Berhormat itu faham bahawa makna rapat umum itu berbeza dengan makna mesyuarat agung?

Tuan Lim Kit Siang: Itu rally yang sendiri disifatkan oleh Pemuda UMNO sebagai rally. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak membaca suratkhbar atau tidak ikut apa yang berlaku dalam UMNO, sangat sedihlah. Buat apa dalam ini. Ini disifatkan sendiri oleh Pemuda UMNO, bukan saya cakap, mereka sendiri cakap rapat umum.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat itu tidak tahu, biarlah saya menerangkan bahawa perjumpaan itu ialah Perhimpunan Agung Khas, tidak ada kena mengena dengan rapat umum atau rally.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, baik. Ada Perhimpunan Khas untuk krisis Perlembagaan, kenapa tidak boleh ada Perhimpunan Khas untuk skandal BMF? Adakah pembaziran \$2,500 juta itu tidak mustahak? Bukankah ini

bererti bahawa Pemuda UMNO tidak serius?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuduhan itu tidak berasas.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu bercakap, berdiri, jangan duduk bila bercakap! Saya beri jalan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Cuma apa yang diminta setakat ini oleh Pemuda UMNO ialah supaya Kertas Putih dikeluarkan yang tidak boleh diterima langsung kerana ia boleh menjadi dengan mudahnya satu, "white-wash paper". Atas sebab ini juga, satu lagi siasatan Kerajaan ke dalam skandal BMF seperti disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam kenyataannya di Labuan tidak boleh diterima sama sekali. Ini adalah kerana:

Pertama, disebabkan skandal BMF telah dibawa ke pengetahuan Kerajaan kira-kira dua tahun dahulu, sudah pasti Kerajaan telah menjalankan siasatan demi siasatan ke dalam skandal BMF baik pun melalui Bank Negara atau Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri dan satu lagi siasatan Kerajaan akan menjadi sia-sia dan bertindih.

Kedua, apa yang diperlukan secara mendesak kini ialah satu siasatan awam yang menyeluruh ke dalam skandal BMF, untuk menyasat dari pangkal ke hujung skandal tersebut untuk memastikan berapakah pinjaman yang sebenarnya dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong; amaun kerugian yang dialami oleh BMF dan seterusnya oleh Bank Bumiputera, Permodalan Nasional Berhad dan juga pemegang-pemegang saham Amanah Saham Nasional; orang-orang yang bertanggungjawab ke atas pinjaman-pinjaman tersebut; degree

ketidaktanggungjawab dan kelalaian pegawai-pegawai BMF, Bank Bumiputera, Bank Negara, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri malah seluruh Jemaah Menteri (Kabinet Menteri) dalam saga kotor BMF.

Inilah sebabnya mengapa sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja harus ditubuhkan dengan kuasa-kuasa penuh dan tidak terhad untuk menyasat ke dalam segala aspek skandal tersebut termasuk kuasa untuk memanggil pemimpin-pemimpin politik dan Menteri-menteri Kabinet malah Perdana Menteri sendiri untuk menghadiri dan memberi keterangan serta diperiksa atas skandal BMF ini.

Terdapat beberapa aspek dalam pertalian antara BMF, Carrian dan George Tan yang menimbulkan persoalan-persoalan yang melibatkan integriti dan budi pekerti pemimpin-pemimpin politik di Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Luar telah mengakui bahawa beliau telah menasihatkan atau beri "friendly advice" kepada Kerajaan British dalam bulan Julai lalu supaya jangan menggunakan dokumen-dokumen BMF yang dirampas akibat siasatan terhadap pembunuhan Jalil Ibrahim, Penolong Pengurus Besar BMF untuk menyasat ke dalam hal Carrian.

Saya dapati "friendly advice" yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar adalah amat ill-advised kerana nampaknya Kerajaan Malaysia takut benar yang suatu siasatan menyeluruh ke dalam peristiwa Carrian khususnya mastermindnya, George Tan, akan menjejaskan dengan teruknya reputasi Malaysia.

Ini hanya akan menguatkan lagi syak wasangka bahawa terdapat perhubungan yang amat luar biasa di antara boss Carrian, George Tan, dengan bukan sahaja Pengarah-pengarah BMF dan Bank Bumiputera

tetapi juga dengan pemimpin-pemimpin politik tertinggi di negara ini.

Malaysia hendaklah membuktikan baik pun secara nasional atau antarabangsa yang ia tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan apabila pendedahan-pendedahan penuh dibuat mengenai peristiwa Carrian atau skandal BMF. Maka Yang Berhormat Menteri Luar Negeri hendaklah secara rasmi menghubungi Kerajaan British dan menarik balik nasihat itu yang telah disampaikan dalam bulan Julai lalu serta memberitahukan mereka bahawa Malaysia tidak ada apa-apa bantahan sekalipun jika sekiranya mana-mana dokumen BMF yang ada dalam pemilikan British digunakan untuk mendedahkan peristiwa BMF untuk mana BMF telah mengkomitkan pinjaman kira-kira \$2,000 juta.

Aspek kedua dalam perhubungan antara BMF, Carrian dan George Tan ialah peranan BMF dan Bank Bumiputra dalam mengumpulkan wang jaminan sebanyak \$15 juta untuk menjamin George Tan di Hong Kong.

Aspek ketiga perhubungan ini seperti dinyatakan oleh Institut untuk Analisa Sosial ialah mengapa Bentley Ho, Pengarah Eksekutif Kumpulan Carrian, yang ditangkap oleh pihak polis pada hari yang sama George Tan ditangkap di Hong Kong iaitu pada 2hb Oktober, sedang cuba menaiki kapal terbang di Lapangan terbang Kai Tak untuk datang ke Malaysia. Apakah sebabnya Ho cuba datang ke Malaysia sedangkan beliau dicari oleh pihak polis Hong Kong.

Aspek keempat perhubungan ini ialah dakwaan yang terkandung dalam keluaran terbaru majalah *Far Eastern Economic Review* yang mendakwa bahawa Bank Bumiputra dan BMF telah membuat persiapan-persiapan yang berbau "underhand" dengan

Carrian berkaitan dengan aset-aset rahsia Carrian yang disembunyikan di luar Hong Kong untuk menghadkan kerugian-kerugian yang mungkin boleh menyebabkan Bank Bumiputra dengan izin, di'ostracised' oleh Bank-bank antarabangsa kerana menjalankan kegiatan-kegiatan bank yang tidak teratur, tidak berethik malah salah dari segi undang-undang.

Ini pula mengingatkan kita akan percubaan yang dibuat oleh seorang peniaga Malaysia bernama Datuk Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof yang firmanya bernama Fleuret telah cuba membeli aset-aset yang dimiliki oleh Carrian di Hong Kong dalam salah sebuah anak syarikatnya yang paling kukuh, China Underwriters Life and General Insurance Company.

Percubaan ini oleh sebuah syarikat penama yang berpusat di Pulau Channel besar kemungkinan tidak akan berjaya kerana pihak berkuasa di Hong Kong telah mengambil alih dengan sepenuhnya firma tersebut dan seorang 'liquidator' sementara telah dilantik sebelum urusan tersebut dapat diuruskan.

Kini adalah dilaporkan bahawa Fleuret akan mengalami kerugian sebanyak kira-kira \$6 juta akibat kegagalan percubaan mengambil alih itu. Dan sekiranya syak wasangka umum itu didapati benar yakni Fleuret telah bertindakan sebagai proksi bagi Bank Bumiputra dan BMF, maka ini adalah satu lagi contoh bagaimana Bank Bumiputera sedang menabur lebih banyak lagi dengan izin, 'bad money after bad money'.

Sejak ucapan belanjawan saya pada 24hb Oktober, mengenai skandal BMF, lebih banyak lagi pendedahan-pendedahan mengenai BMF telah dibuat yang memerlukan penjelasan rasmi.

Umpamanya, majalah *Asian Wall Street Journal* keluaran 1hb November, 1983, melaporkan bahawa BMF telah terus meminjam wang kepada pemaju harta tanah Hong Kong bernama Kevin Hsu selepas ia telah memberitahu kreditor-kreditornya bahawa ia tidak mampu membayar balik hutang-hutangnya. Kevin Hsu merupakan peniaga harta tanah yang pertama di Hong Kong yang telah mengumumkan secara awam pada akhir tahun 1982 mengenai masalah hutangnya akan tetapi BMF telah terus meminjamkan beliau kira-kira HK\$3 juta pada 30hb Mac tahun ini.

Majalah *Asian Wall Street Journal* telah melaporkan bahawa adalah dipercayai BMF telah memperuntukkan suatu jaminan bank untuk menjamin Encik Hsu selepas bailiff-bailiff Mahkamah Agung Hong Kong merampas kilang permata dan inventori stor permatanya kerana gagal membayar balik satu pinjaman berjumlah HK\$6 juta.

BMF merupakan kreditor terbesar Kevin Hsu dan jumlah hutangnya yang dihitung pada suatu ketika ialah dalam lingkungan HK\$1.2 hingga \$1.3 billion.

Saya merayu Kerajaan menyahut tuntutan rakyat Malaysia supaya satu siasatan awam yang menyeluruh dijalankan oleh sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja seperti terbukti dalam majoriti besar yang diperolehi oleh Pengerusi Kebangsaan DAP dalam pilihanraya kecil Seremban yang telah berlangsung pada Sabtu lalu sempena 19hb November.

Semasa kempen pilihanraya kecil, kita telah mengemukakan kepada rakyat Seremban satu kenyataan mengenai BMF untuk diterima oleh rakyat dan rakyat telah menerima serta mengesahkan kenyataan tersebut pada hari mengundi. Saya menggesa Kerajaan dan Parlimen menyahut

suara rakyat Malaysia seperti dilahirkan oleh pengundi-pengundi Seremban.

Inilah kenyataan rakyat Seremban mengenai skandal BMF yang diterima sempena pilihanraya kecil Seremban.

Ketetapan rakyat Seremban mengenai skandal BMF:

“Kami, rakyat Seremban yang berhimpun di Dewan Rekreasi China Negeri Sembilan pada hari Jumaat, 11hb November, 1983 di rapat umum bantahan skandal BMF memutus untuk membuat kenyataan yang berikut untuk diterima dan disahkan oleh pengundi-pengundi Seremban pada hari membuang undi pada 19hb November, 1983.

Kami, rakyat Seremban:

- (1) Mengutuk dan membantah sekeras-kerasnya skandal pinjaman \$2,500 juta ringgit Bumiputera Malaysia Finance di Hong Kong yang telah disifatkan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai satu “jenayah yang menjijik” dan satu “pengkhianatan amanah”;
- (2) Melahirkan rasa paling terkejut apabila meskipun skandal \$150 juta ringgit Bank Rakyat telah berlaku dalam akhir tahun 1970an, ia tidak menjadi satu pengajaran kepada institusi-institusi dan agensi-agensi Kerajaan termasuk syarikat-syarikat dan anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti Bank Bumiputera dan BMF hinggakan sekarang kita menghadapi skandal BMF yang 20 kali ganda lebih serius dari Skandal Bank Rakyat.
- (3) Merakamkan rasa marah bahawa skandal BMF yang melibatkan jumlah wang awam

yang begitu banyak sejumlah \$2,500 juta akan melemahkan dengan seriusnya pembangunan sosio-ekonomi rakyat Malaysia semua kaum oleh kerana wang sejumlah \$2,500 juta ringgit bolehlah disamakan atau digunakan untuk perkara-perkara berikut:

- (a) Ia boleh menampung perbelanjaan pembangunan bagi seluruh negeri Negeri Sembilan untuk lebih 12 tahun;
 - (b) Ia boleh digunakan untuk menubuhkan 100 buah universiti lagi berasaskan kepada peruntukan permulaan sejumlah \$27 juta ringgit yang diberikan kepada Universiti Islam Antarabangsa untuk tahun 1983;
 - (c) Ia boleh digunakan untuk membina 125,000 unit rumah kos rendah dengan hanya \$20,000 bagi setiap unit, atau 2 unit rumah kos rendah untuk setiap 60,000 pengundi di Seremban;
 - (d) Ia boleh digunakan untuk menggandakan Pasukan Polis di negara ini dengan menaikkan gaji mereka sebanyak 50%, dan selepas berbuat demikian, masih akan tertinggal lebih kurang \$1,500 juta ringgit;
 - (e) Ia boleh digunakan untuk membangunkan tanah seluas 150,000 hektar lagi untuk menempatkan sekurang-kurangnya 30,000 peneroka;
 - (f) Ia boleh digunakan untuk membangunkan malah membina semula Seremban beberapa kali ganda.
- (4) Mengisytiharkan hak untuk mengetahui rakyat Malaysia terhadap segala cerita mengenai

skandal BMF dan menolak sebarang usaha untuk menutup skandal kewangan, dan bank yang paling terbesar yang berlaku di dalam sejarah Malaysia;

- (5) Menggesa penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja untuk mengadakan penyiasatan awam secara menyeluruh ke dalam skandal BMF dan memberikannya kuasa untuk menyiasat kekurangan tanggungjawab dan kecuaiian serta penyelewengan-penyelewengan bukan sahaja pegawai-pegawai Bank Bumiputera tetapi juga Bank Negara, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri serta Kabinet;
- (6) Menggesa Perdana Menteri memperkotakan janjinya di dalam Pilihanraya Umum 1982 untuk mengadakan satu pentadbiran yang "Bersih, Cekap dan Amanah" serta janji beliau sebelumnya untuk 'menghukum sesiapa sahaja yang berasuah'—dengan menubuhkan dengan serta-merta sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja untuk menyiasat skandal BMF yang seharusnya dianggotai oleh rakyat Malaysia yang mempunyai kewibawaan dan perwatakan yang tidak celah yang boleh mendapat keyakinan penuh masyarakat seperti Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, Presiden Mahkamah Perusahaan, Hakim Harun Hashim, Presiden ALIRAN, Dr Chandra Muzaffar, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Encik S.M. Mohd. Idris, Pengerusi Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin, bekas Ahli Parlimen Pembangkang, Tan Sri Dr Tan Chee Khoo, Presiden

Persatuan Graduan Selangor,
Encik Gurmit Singh dan pendita
Professor Syed Hussein Alatas:

- (7) Mencadangkan bahawa Suruhanjaya Siasatan Di Raja BMF seharusnya mengkaji perhubungan "Mastermind" Carrian, George Tan, dengan pemimpin-pemimpin politik Malaysia, sama ada setaraf Menteri atau bekas Menteri, oleh kerana tiada seorang pun rakyat Malaysia yang akan mempercayai bahawa hanya beberapa orang pengarah dan pegawai BMF akan mengkomitkan pinjaman-pinjaman sejumlah \$2,500 juga di Hong Kong kepada 3 buah syarikat tanpa kelulusan golongan atasan politik, oleh kerana jumlah ini adalah 5 kali ganda jumlah modal dan simpanan syarikat induk BMF, iaitu Bank Bumiputera;
- (8) Mencadangkan bahawa Suruhanjaya Siasatan Di Raja BMF itu seharusnya mengkaji bagaimana skandal \$2,500 juta BMF itu akan menjejaskan dengan teruknya saham-saham Amanah Saham Nasional yang dipegang oleh seramai 1.3 juta orang bumiputera disebabkan syarikat induknya, Permodalan Nasional Berhad, memegang 80% saham dalam Bank Bumiputera;
- (9) Mencadangkan bahawa Suruhanjaya Siasatan Di Raja BMF itu seharusnya mengkaji sama ada Malaysia menghadapi lebih banyak masalah-masalah yang sama yang dicipta dengan keruntuhan kumpulan Carrian, seperti yang dinyatakan oleh bekas Pengerusi Executive Bank Bumiputera, Tan Sri Kamarul Ariffin yang menyatakan

bahawa 3 atau 4 masalah seakan-akan masalah Carrian semakin muncul di Malaysia dalam tahun 80an; dan

- (10) Mendesak supaya orang yang bertanggungjawab ke atas \$2,500 juta skandal tersebut didakwa dan dihukum tanpa mengira taraf atau pengaruh mereka kerana kita tidak boleh menerima kewujudan satu "jenayah yang menjijik" tanpa penjenayah-penjenayah.

Kerajaan hendaklah menerima keputusan rakyat Seremban yang diputuskan dalam pilihanraya kecil tersebut serta menyahut seruan supaya satu Suruhanjaya Siasatan Di Raja diadakan ke dalam skandal BMF.

Dalam temuduganya selepas menjawat jawatan Perdana Menteri selama dua tahun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata pada 16hb Julai, 1983 bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang didapati terlibat dalam apa-apa amalan-amalan curang yang berlaku dalam skandal BMF. Beliau juga mengatakan bahawa beliau yakin BMF akan mendapatkan balik hampir semua pinjaman-pinjaman yang dikeluarkannya di Hong Kong. Adalah jelas bahawa sehingga bulan Julai, 1983, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah tidak diberi satu gambaran yang sebenarnya tentang skandal BMF kerana hanya kurang tiga bulan kemudian Empayar Carrian telah runtuh dan telah mengugut keruntuhan BMF dan Bank Bumiputera, kecuali Kerajaan campurtangan untuk menyelamatkan BMF dan Bank Bumiputera dengan menggunakan wang rakyat. Kurang tiga bulan kemudian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bercakap bahawa cuma 25% hingga 30% pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF boleh didapati balik.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sepatutnya melengahkan lagi dan hendaklah menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja, kecuali pimpinan politik mempunyai begitu banyak tulang atau skeletons untuk disembunyikan dari rakyat Malaysia.

Inilah sangat mustahak, khasnya apabila ada spekulasi-spekulasi bahawa pemimpin-pemimpin tertinggi, baik pun sampai peringkat Kabinet atau bekas Kabinet ada terlibat dan juga ada banyak spekulasi-spekulasi bahawa mereka yang mendapat keuntungan terbesar daripada link BMF, Carrian George Tan ialah UMNO Building Fund, semua ini patut disiasat, dibersihkan dan barulah satu Siasatan Di Raja boleh buat begitu.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat-Yang Berhormat, masalah bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B.30, Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Program 1, Pentadbiran Am, (a) Pentadbiran, diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.07 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya orang yang pertama menentang cadangan yang dibawa oleh Wakil dari Kota Melaka kerana cadangan yang dibawa ini tidak bererti apa-apa selain daripada tujuan untuk mendapat publisiti murah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa beberapa kali telah dibawa usul seperti ini di dalam Dewan ini dan walau sejuta kali

pun dibawa, dia tidak akan mendapat apa-apa dan dia akan tetap ditolak, kerana cadangan ini adalah cadangan seperti orang yang bodoh, seperti otak udang, seperti kita katakan otak udang yang penuh dengan tahi yang tidak ada apa-apa maknanya.

Tuan Pengerusi, kalau orang itu tidak seperti orang yang seperti sombong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order. Saya sebenarnya tidak mahu mencelah oleh kerana orang semacam itu lebih baik bercakap sampai dia habis, tetapi saya rasa 34.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: *Duduk, diam!*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sila arahkan ucapan kepada Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: "36(4), adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap".

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, "kurang ajar". Saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi point of order kedua.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dia kata "biadap" dan "kurang ajar".

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat diminta duduk kedua-dua orang.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order kedua, perkataan "kurang ajar" unparliamentary, sila suruh dia tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, penjelasan saya sebelum buat keputusan.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya mengatakan di sini 'seperti orang yang bodoh', 'seperti otak udang', kerana dia makan lada, dia terasa dia bodoh dan dia mempunyai otak udang, ini 'seperti' saya kata, bukan saya kata kepada siapa-siapa 'seperti'.

Tuan Lim Kit Siang: Haraplah ada dua point of order. Yang pertama, sama ada tadi bahasa yang biadap. Yang kedua, sama ada perkataan 'kurang ajar' unparliamentary dan kalau unparliamentary haraplah boleh keluar satu arahan boleh tarik balik oleh kerana kalau boleh kata serupa, kita boleh cakap dia 'serupa samseng, serupa orang jahatlah', ini pun boleh cakap, kalau bolehlah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat-Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (4) telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bersabit dengan perkataan-perkataan dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Perkataan-perkataan yang disebut-sebutkan dalam membangkitkan Peraturan Mesyuarat ini ialah empat perkataan pada pandangan saya: 'bodoh, otak udang, tahi dan kurang ajar'. Oleh kerana dua perkataan yang mula; 'bodoh' dan 'otak udang' dibuat seperti andaian, maka saya membenarkan. Akan tetapi, bagi perkataan 'tahi' dan 'kurang ajar', saya memohon kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta duduk dahulu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebelum Tuan Pengerusi buat keputusan, dia tarik balik perkataan 'biadap' yang dia kata kepada saya tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Biadap ada dalam Peraturan ini, baca Peraturan!

Tuan Pengerusi: Sekali lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, demi menjaga kemuliaan Dewan ini, saya memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan dua perkataan yang kemudiannya iaitu "tahi" dan "kurang ajar" oleh kerana tidak disebutkan dalam apa-apa gambaran andaian, saya memutuskan bahawa perkataan-perkataan ini memanglah biadab dan saya memohon agar Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh demi menjaga kemuliaan Dewan yang mulia ini menarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya tarik balik perkataan itu, tetapi saya tidak ada nama lain saya hendak gunakan kepada tahi yang ada dalam kepala udang. Begitu juga saya tidak ada nama lain saya hendak gunakan daripada perkataan biadab selain daripada "kurang ajar". Itu sahaja perkataan yang saya gunakan dan.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta duduk!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya cuma.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat, saya minta duduk.

Tuan Lim Kit Siang: 36 (4).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka!

Tuan Lim Kit Siang: 36 (4) mengenai tidak boleh menggunakan bahasa biadab. Bahasa biadab banyak bentuk, banyak rupa. Perkataan atau penggantian bahawa tidak ada bahasa lain selain daripada kurang ajar dan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya faham, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap satu keputusan. (*Disampuk*).

Tuan Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat duduk! Saya faham ya.

Tuan Lim Kit Siang: Harap satu keputusan di mana tarik semua sepenuhnya tanpa qualification.

Tuan Pengerusi: Bagi perkataan "kurang ajar" dalam Peraturan Mesyuarat sendiri telah disebutkan perkataan gantinya iaitu perkataan biadab dan oleh kerana perkataan ini terdapat dalam Peraturan Mesyuarat sendiri maka perkataan biadab tidak merupakan satu perkataan yang salah digunakan dalam perbahasan dalam Dewan dan tidak boleh dianggapkan satu perkataan, dengan izin, unparliamentary language. Yang Berhormat dari Pasir Puteh, saya mohon teruskan ucapan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, kalau orang itu tidak seperti orang yang sombong sudah tentu sesuatu cadangan itu difikir sampai 100 kali barulah dibuat ataupun dicadangkan dan barulah cadangan itu bermakna dan barulah cadangan itu dianggap datangnya dari orang yang berotak waras dan sempurna.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana wakil dari Kota Melaka ini bercakap dengan panjang lebar tentang BMF, telah jemu telinga mendengarnya, seolah-olah beliau merupakan pejuang skandal BMF ini. Jadinya naik marah dan berang kerana Yang Berhormat Mulia tidak mahu menjawab dan memberi komen terhadap ucapannya selain daripada mutu ucapannya telah diketahui ramai dan mutu ucapannya begitu rendah, dia juga tidak mempunyai makna apa-apa. Ia adalah merupakan sesuatu yang merupakan exploitation, dengan izin, untuk mengeksploit benda-benda ini untuk menjadi isu dan kepentingan sendiri.

Tuan Yang Dipertua, jadi tindakan Yang Berhormat Mulia dan juga tindakan Kerajaan tidak mengikut kelakuan Ketua Pembangkang itu, kata orang Kelantan ikut "ere" adalah tindakan yang tidak baik.

Tuan Pengerusi: Apa maksud itu, Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dengan izin.

Tuan Pengerusi: Apa maksudnya itu, Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ikut "ere" tadi, Tuan Pengerusi, ikut kelakuan yang dibuat. Ikut kelakuan yang dibuat itu, itu "ere" orang Kelantan kata, adalah tindakan yang baik dan bijak. Kalau seseorang itu bodoh, jangan kita ikut, kita juga jadi bodoh. Jauhari juga yang mengenal manikam. Terkilau ikan di air, kita sudah tahu jantan-betinya. Pelanduk tidak akan lupakan jerat. Tindakannya adalah daripada seseorang yang tidak faham dan berdegil. Kalau kita kata degil, degil Pah Uh, dengan izin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kena beri maksudnya, kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tidak faham.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Degil Pak Uh, Tuan Pengerusi, iaitu degil seseorang yang tidak mahu menerima pendapat orang lain dan juga pendapatnya sahaja yang dianggapkan betul dan baik. Itulah degil Pak Uh (*Ketawa*), dengan izin, Tuan Pengerusi. Kalau kita tidak.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan izin, *cher ker jen ku kwai te, mei yu yung, mei yu tow now te.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat pun kena beri maksud.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! itu orang tak guna, cakap apa-apa sahaja.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, degil Pak Uh ialah orang yang tidak menerima pendapat orang lain dan pendapatnya sahaja yang dianggap betul dan baik.

Kalau tidak degil Pak Uh bukankah berkali-kali telah kita terangkan di dalam Dewan ini tentang perkara BMF ini walaupun telah dibuat dan telah berkali-kali dinyatakan dan pihak Kerajaan telah pun membuat penyiasatan dan bagaimana penyiasatan dan juga penyiasatan yang akan dibuat itu akan dibentangkan kepada ramai sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi, sama ada akan dikeluarkan Kertas Putih atau akan dibawa ke peringkat pendakwaan, semuanya itu telah difikir dan telah dirancang dan diatur oleh pihak Kerajaan dengan penuh tanggungjawab kerana Kerajaan akan bertanggungjawab perkara ini dan berhati-hati dalam mengambil

tindakan. Jadi begitu tidak bersabar dan juga terburu-buru sepertilah kita ini seolah-olah nafsu syaitan. Mengapa kita ini begitu tak sabar, merontaronta, sebab kita tahu kalaulah tindakan Kerajaan terburu-buru dan tidak berhati-hati, mengikut kehendak orang yang tidak sabar sudah tentulah akan berlaku kesilapan lagi. Apabila kesilapan berlaku inilah yang ditunggu-tunggu dan inilah yang dinanti-nanti untuk mengeksploitkan perkara itu dan akan dijadikan sebagai isu politik dan mendapat publisiti murah selain daripada bertepuk tangan untuk menanggung di air yang keruh, biarpun rakyat atau negara ini hancur atau lintang pukang, dengan izin, dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, tindakan wakil dari Kota Melaka kelmarin misalnya dan juga dalam Dewan ini merupakan kelakuan seperti kebudak-budakan. Kalau saya hendak katakan kurang ajar pun boleh tetapi saya tidak kata kurang ajar tetapi bagi menghormati Dewan walaupun perbuatan itu saya anggapkan sebagai perbuatan seperti kurang ajar ataupun perbuatan yang agak.

Tuan Pengerusi: Biadab, Yang Berhormat. Biadab sebagai ganti.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:agak biadab, tetapi tidaklah boleh saya kata begitu dalam Dewan yang mulia ini. Cuma perkataan kurang ajar itu sepatutnya saya beri, tetapi saya tidak beri.

Tuan Pengerusi: Saya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Perbuatannya seolah-olah menghina.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cuba elakkan daripada perkataan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, saya tidak kata.

Tuan Pengerusi: . . . dalam bagaimana rupa pun. Perkataan gantinya ialah perkataan biadab.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya harap satu keputusan, satu arahan yang tegas boleh dikeluarkan, kalau kurang ajar unparliamentary, apa-apa bentuk sebut pun tidak boleh dibenarkan. Kalau tidak keputusan Yang Dipertua atau Pengerusi tidak akan dapat dipatuhi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (4) sekali lagi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka meminta keputusan tegas daripada saya. Keputusan saya ialah perkataan "kurang ajar" tidak boleh digunakan lagi dalam perbahasan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengulangi lagi perkataan kurang ajar itu.

Tuan Pengerusi, perbuatannya begitu angkuh dan sombong sekali seolah-olah seperti orang takbur kerana menang di Seremban, sebaliknya beliau bukan sombong tetapi beliau berterima kasih kerana kemenangannya hasil daripada kekalahannya.

Kemenangannya juga hasil daripada pemberian MCA yang mengosongkan kerusi itu dan pertandingannya tidak merupakan pertandingan anak jantan, kerana lawannya adalah seorang calon wanita yang tak begitu popular, kalau kita banding dengan calon DAP, Pengerusi Agongnya, Pengerusi Kebangsaan DAP konon, tetapi kalau Pengerusi MCA lawan Pengerusi DAP telah terbukti yang MCA telah lebih kuat dan lebih kukuh (*Tepuk*) dan telah mencapai kemenangannya. Wal hasil DAP tidak boleh bermegah kerana kemenangannya adalah hasil daripada pemberian MCA yang telah mengosongkan kerusi tersebut.

Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya tabik kepada wakil atau calon daripada Seremban dan tahniah kepada kemenangannya tetapi kemenangan wakil daripada Seremban ini sebenarnya bukan kemenangan DAP ataupun partinya tetapi tentang kemenangan adalah kemenangan batang tubuh wakil itu sepertilah kemenangan wakil daripada Kuala Lumpur Bandar bukan kerana parti DAP tetapi kerana batang tubuh calon itu.

Kedua-dua mereka ini kalau keluar DAP pun mereka boleh menang, Tuan Pengerusi. Hendaknya kedua-dua wakil ini janganlah ikut gelagat atau kelakuan wakil dari Kota Melaka.

Kalau seseorang pemimpin yang pernah meletak jawatannya satu masa dahulu, lepas itu diterima balik adalah seseorang pemimpin yang tidak mempunyai maruah, Tuan Pengerusi. Orang yang menjilat ludah yang diluahnya adalah perbuatan yang jijik yang kalau kita bandingkan dan kotor dan tidak bermaruah sekali kalau menjilat air ludahnya yang telah diluarganya.

Tuan Pengerusi, perbuatan cadangan wakil daripada Kota Melaka untuk memotong gaji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebanyak \$10 adalah perbuatan mengajar anak harimau memakan daging. Seolah-olah juga mengajar anak itik berenang. Kita pun boleh juga melakukan seperti ini. Jangan cuba mengajar anak harimau. Cadangannya tidak jadi apa-apa, cuma setakat publisiti dan hendak melepaskan masa. Tetapi kalau wakil Kerajaan, back-bencher yang ada di sini membawa usul atau cadangan tentu akan lebih berkesan dan juga akan sudah tentu akan mendapat sokongan. Dengan tingkah laku Ketua Pembangkang sekarang ini kadang-kadang menghina Dewan ini, menjadikan Dewan ini sebagai kedai kopi, menggunakan bahasa dan ucapan

yang boleh menyakitkan hati, kami pun boleh membawa cadangan menghapuskan elaun Ketua Pembangkang. *(Tepuk)*

Tetapi kami tidak sebodoh itu mencari publisiti dan mencari isu tetapi kalaulah beliau telah mengajar dan beliau telah memaksa kita berbuat demikian, tengoklah masa akan datang memang akan sampai dan kita boleh melakukannya dan ini sudah tentu akan mendapat sokongan dan kita akan kemukakan satu masa nanti, masanya akan tiba, masanya akan tiba walaupun tidak berapa lama lagi tidak sampai setahun lagi. Kita akan kemukakan.

Kalau wakil Kota Melaka boleh berbuat mengapa kita tidak boleh buat perkara seperti ini. Kalau dia cuba hendak mengajar kita dan memaksa kita berbuat, maka back-bencher yang ada di sini boleh mengemukakan dan membuat dan sudah tentu akan mendapat sokongan daripada Dewan. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi, saya juga hairan ada di antara orang yang menganggap dirinya pintar tetapi tidak memahami sebarang ucapan yang diberi oleh Ketua-ketua atau Pemimpin-pemimpin Kerajaan. Saya masih teringat lagi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa kemungkinan Kerajaan mengkaji untuk mengadakan suatu Suruhanjaya dan juga membentangkan kertas putih. Perkataan kemungkinan ini boleh jadi ada atau boleh jadi tidak. Kalau orang yang faham sudah tentu dia menganggapkan ia. Kalau kemungkinan itu ia, Kerajaan hendak buat, ini orang yang tidak memahami tentang makna bahasa. Kalau kemungkinan bermakna boleh jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengisytiharkan untuk mengadakan kertas putih dan boleh jadi tidak akan mengadakan, itu

perkara biasa. Dan ini adalah sebagai seorang yang berfikiran yang waras, seorang pemimpin negara yang lebih bertanggungjawab, dia tidak akan memberi keputusan dengan terburu-buru dan pengurusan sebagai kebudak-budakan yang tidak mempunyai makna dan ia lebih mementingkan dari segi kepentingan negara, dan kita tidak mahulah kita ini berfikiran seperti orang main gusti, Tuan Pengerusi. Kalau kawan itu sakit di bahu, di bahu itulah yang ditumbuknya sampailah kawan itu kalah. Maksudnya begitu dan apabila kawan itu kalah ataupun maut sekalipun dia bertepuk tangan, jadi kita tidak mahulah fikiran kita seperti orang main gusti, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya mendengar ucapan Wakil dari Kota Melaka itu mencadangkan beberapa orang kononnya untuk menjadi Jawatankuasa Penyiasat.

Jadi saya mintalah janganlah Kerajaan mencari sesuatu itu perkara yang sokong membawa rebah. Kita boleh mencadangkan seberapa ramai dan lebih ramai orang yang bijak dalam negara ini, tetapi janganlah ikut nama yang dicadangkan oleh wakil dari Kota Melaka. Kalau itulah Kerajaan terima maka sudah tentulah kita akan tersungkur kerana semua itu yang merupakan fikiran yang kurang baik dari segi negara kita.

Kalau kita kata songsanglah, pun boleh tetapi ialah mereka itu tidak diterima sebagai sebuah Kerajaan yang sehat sebagaimana hari ini. Dan saya katakan bahawa janganlah kita sombong, janganlah kita megah dengan kita menang dengan satu kawasan di Seremban. Dengan pertunjukan kita sombong itulah bagaimana kita akan rasa barangkali puak-puak ini akan berjalan dengan tangan dan makan dengan kaki kalau mereka ini menang untuk menguasai negeri ini.

Kalau hanya menang satu kawasan di Seremban begitu megah, angkuh, sombong, berpuluh kali disebut di dalam Dewan ini, mengapa mereka tidak menang di Tampin, mengapa mereka tidak bertanding di tempat-tempat yang lain, mereka boleh menang. Dan saya rasa dengan majoriti yang diberi di dalam Dewan ini sudah bukti bahawa sokongan pihak rakyat kepada Kerajaan sudah bukti bahawa Kerajaan telah menerima sokongan daripada rakyat. Kalau menang di Seremban tidak ada apa ertinya. Saya pun ajak dia bertanding—siapa hendak bertanding di Pasir Puteh sana. Bubuh 40 orang DAP sekalipun, Pengerusi DAP tidak apa bertanding. (*Tepuk*) Setiausaha Agongnya sendiri pun lagi baik, Tuan Pengerusi.

Wakil dari Kota Melaka ini pernah kalah, kawasan Dewan Undangan Negeri di Melaka sekalipun dia kalah, apa sokongannya, tidakkah malu! Kalau satu masa dahulu kawasan itu kubunya. Di kawasan Dewan Undangan Negeri itu kubunya tetapi kawasan Parlimennya ialah kawasan Petaling, oleh kerana mengejar bayang lari ke sana menanglah kawasan Kota Melaka, tetapi negerinya kalah. Kalau negerinya kalah itu bukan maknanya mendapat sokongan. Orang yang mati dikubunya sendiri. (*Tepuk*)

Jadi kalau ini kita hendak bandingkan bahawa patut DAP ini telah terkubur lama, Tuan Pengerusi. Dan kita berterima kasihlah kerana ada Pengerusi DAP dalam Dewan ini, tetapi Pengerusinya tahanlah sedikit, tidak gelojoh sangat, jadi saya tahniahlah kemenangannya itu. Jadi jangan ikut apa yang disuruh tetapi ikutlah apa yang patut kita buat kerana dalam orang Melayu, kalau dia ludah, jilat balik tidak ada orang yang paling hina, paling jijik. Kalau orang pernah letak jawatan, dia terima balik, tidak

ada orang yang paling hina, bagi orang Melayu, kalau orang Cina saya tidak tahulah, macam itu jugakah?

Jadi itulah sahaja saya menentang sekeras-kerasnya cadangan ini. Dan jangan cuba sekali lagi saya sebut, jangan cuba mengajar anak harimau makan daging, jangan cuba mengajar itik berenang. Bahawa apa yang dibuat ini kita juga boleh melakukannya. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.28 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian Kewangan. Saya juga hendak menyentuh. . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat diminta duduk. Dalam perjalanan mesyuarat, kita harus selesaikan masalah usul pindaan ini dahulu dari itu dan selepas itu bila dikemukakan perbincangan berbalik kepada perbincangan bersabit dengan Bekalan asal, maka saya akan jemput Yang Berhormat untuk berucap.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Berkenaan usul pindaan.

Tuan Pengerusi: Usul pindaan, ya, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Pengerusi, saya turut menentang usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Walaupun saya menerima hakikat bahawa skandal BMF ini adalah satu skandal yang tidak diinginkan oleh semua masyarakat atau oleh manusia yang waras, tetapi memandangkan prestasi yang telah ditunjukkan oleh

Kementerian ini maka dosa yang dilakukan itu adalah tidak sepatutnya pihak Kota Melaka membawa usul untuk memotong gaji Yang Berhormat Mulia Menteri sebanyak \$10 itu. Kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa walaupun keadaan ekonomi dunia begitu meleset dan banyak negara yang telah menerima akibatnya tetapi atas kewibawaan dan kebolehan Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai di Kementerian ini, telah dapat melawan keadaan wabak inflasi ini sehingga dapat membuktikan kepada masyarakat dunia antarabangsa bahawa kita dapat mengawal keadaan ekonomi negara sehingga boleh dapat memberikan peluang untuk kita terus membangun dalam negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat itu cuba berbangga membawa usul ini kerana sokongan daripada pihak pengundi kawasan Seremban. Sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih bahawa pihak DAP telah berkali-kali menyebut terlalu bangga sangat dengan kemenangan yang dicapainya di Seremban itu. Tetapi mereka jangan lupa, calon yang sama di sebelah saya juga telah kalah dalam pilihanraya 1982 dahulu dengan calon daripada pihak lelaki. Jadi kemenangan yang didapati itu kerana bertanding dengan wanita. Jadi kalau dahulu dia kalah, sekarang dia menang, ini baru "draw". (*Ketawa*) Apakah yang hendak dibangga-banggakan sangat? Sekarang keputusan tak ada kalah, tak ada menang. Kalau dia hendak bangga ialah yang menjadi johan, tetapi sekarang ini draw, itu pun dia menang di tangan wanita, kalau lelaki belum tahulah. (*Ketawa*)

Dengan sebab itu, saya membangkang Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi: Kerana kita ada banyak lagi urusan, saya boleh membenarkan seorang sahaja lagi.

Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, kemudian saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab berkenaan Usul ini.

4.32 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Saya membangkang dengan sekeras-kerasnya Usul Wakil daripada Kota Melaka untuk memotong \$10 daripada gaji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas dua sebab.

Pertamanya, ialah kerana kejahilan wakil rakyat Kota Melaka memahami tentang sikap orang-orang Melayu. Kita kena tahu dalam kehidupan dan adat istiadat orang-orang Melayu, mereka ada mempunyai hidup dan cara hidupnya yang sendiri dan sebagai Ketua Pembangkang dan warganegara di Malaysia ini saya menasihatkan Wakil dari Kota Melaka itu cubalah memahami tentang adat dan istiadat orang-orang Melayu ini supaya dapat kita hidup secara harmoni.

Kita ada dua perkara yang kita hadapi: pertama, Pindaan Perlembagaan dan kedua ialah perkara BMF. Bagi orang-orang Melayu, kerja-kerja yang bersangkutan dengan Raja mestilah diutamakan dan perkara yang bersangkutan dengan Raja itu tidak ternilai harganya walaupun negara terpaksa digadaikan. Ini kerana ketaatan dan kesetiaan orang-orang Melayu terhadap Raja-raja. Jadi, buat kata pepatah orang Parit: "Biar papa asalkan bergaya". Ini adat orang Melayu kita.

Tuan Pengerusi: Apa maksudnya, Ahli Yang Berhormat? Sila terangkan maksudnya.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Biar susah, tak apa, asalkan dapat bergaya. Itu cara hidup orang Melayu. Bagi kita orang Melayu ini soal duit itu

tak kira sangat, tetapi kesetiaan, apa yang patut didahului-dahulukan, bukannya timid, Pemuda UMNO bukan timid, tetapi ada cara-cara kita melangkah, bukannya melulu menjerit tak tentu arah.

Yang kedua ialah kerana kita fikirkan bahawa Usul yang dibawa oleh wakil Pembangkang dari Kota Melaka ialah seruan daripada 25,000 pengundi yang mengundi DAP di Seremban. Lupakah ada 14 juta manusia di negara ini? Dan apalah 25,000 yang hendak disuarakan di sini? Itulah sebab dua perkara ini saya membangkang, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, kalau boleh cakap dalam 5 minit.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Boleh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baiklah. Sila!

4.35 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong rakan-rakan saya daripada Pasir Putih dan Hilir Perak, menyokong membangkang Usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang untuk memotong gaji Menteri Kewangan \$10. Ini adalah satu usul kebudak-budakan oleh kerana kemenangannya di dalam pilihanraya Seremban itu samalah seperti kata pepatah atau peribahasa Melayu, "diberikan bunga kepada kera", jadi bunga ini cantik, mandat daripada rakyat yang diberikan kepada kera itu dikoyak-koyaknya. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh patut menggunakan peribahasa orang-orang yang berkelakuan seperti itu sama seperti kata peribahasa Melayu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, izinkan saya memberi

peringatan sedikit, kalau disebut pepatah tak apa, tetapi dalam huraian itu jaga-jaga sedikit.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Baiklah, saya akan berhati-hati. Saya terpaksa menggunakan peribahasa dan bidalan Melayu kerana tadi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh patut menggunakan peribahasa untuk menilai seseorang itu memberikan hujah-hujahnya. Ada peribahasa mengatakan iaitu orang-orang yang berkelakuan biadab samalah seperti perangai "Beruk Mat Yeh", itu yang tepat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, dukacita saya mesti mengarahkan Ahli Yang Berhormat, "Beruk Mat Yeh" itu ditarik balik.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tidak, itu kelakuan dan perangnya Tuan Pengerusi, bukan pula saya katakan dia beruk. Tidak, hanya perangnya. Jadi mencadangkan untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan \$10 oleh kerana berkali-kali telah diterangkan dalam suratkhbar kita baca di mana Perdana Menteri telah menjamin untuk mengambil tindakan dan akan mengambil tindakan, mengapakan pula Usul ini hendak dibawa sebagai Usul kebudak-budakan dan membuang masa Dewan yang mulia ini. Masa kita ini berharga, saya tak fikir seorang Ketua Pembangkang yang begitu lama duduk dalam Dewan ini tak tahu menghargai masa yang penting, banyak lagi perkara mustahak yang kita hendak bincangkan di dalam Dewan ini Tuan Pengerusi.

Jadi saya berharap janganlah dia ingat apa juga sebarang usul yang dibawa di dalam Dewan yang mulia ini akan mendapat kelulusan. Selagi Parti Barisan Nasional mendapat sokongan daripada rakyat, jangan harap usul-usul yang berupa kebudak-budakan yang tidak ada memberi makna

langsung kepada perpaduan rakyat ataupun menguntungkan rakyat di dalam negara ini akan mendapat kelulusan.

Maka dengan ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya mencadangkan supaya usul yang dibawa itu dibangkang dan ditolak dengan mentah-mentah sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sekiranya mahu menjawab dalam usul ini. Timbalan Menteri akan menjawabnya.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, sepatutnya tidak banyak perkara-perkara yang seharusnya diperkatakan lagi mengenai usul kebudakan-budakan ini kerana memang tidak sewajarnya sebagai Timbalan Menteri, saya merugikan masa Dewan ini kerana masa itu emas dan kebanyakan perkara-perkara yang hendak diperkatakan telah pun dikatakan terdahulu daripada ini. Walaupun demikian, Tuan Pengerusi, sekali lagi, kalau sekiranya Ahli dari Kota Melaka tak dengar ataupun kurang faham ataupun tak berapa mengerti, pernah saya katakan di sini sewaktu menjawab soalan berkenaan dengan BMF ini pada minggu lepas iaitu, dengan izin, satu Commission of Enquiry akan ditubuhkan di dalam sedikit masa lagi; malahan pada ketika ini dua daripada Ahli-ahli yang akan menduduki Commission of Enquiry ini telah pun dilantik. Malangnya, seorang pun bukan di antara yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Seorang lagi ahli akan ditetapkan.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Commission of Enquiry ini satu Royal Commission of Enquiry atau satu public enquiry?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, degil satu, tidak sabar pun satu (*Ketawa*). Jadi memadailah dengan degil sahaja, tidak payah tidak sabar. Tunggulah sampai waktunya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Degil apa? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Tidak usah jawablah Yang Berhormat. Teruskan! (*Ketawa*)

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, rasa saya memadailah setakat saya mengatakan bahawa Commission of Enquiry ini akan ditubuhkan. Apabila ketiga-tiga nama, ataupun lebih, saya tidak begitu pasti, telah dipersetujui oleh pihak yang berwajib maka ianya akan diumumkan. Jadi, rasa saya bersabarlah. Saya harap sangatlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memada-madalah.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, yang saya hendak katakan, sebab kerja berlawan-lawan ini, saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lainlah, yang lebih pintar, yang lebih banyak perkataan-perkataan yang digunakan termasuk perkataan biadab dan sebagainya. Itu baik belaka (*Ketawa*). Jadi, saya harap sangatlah kepada pihak yang mencadangkan tadi supaya selepas ini nanti tidak lagi menimbulkan perkara ini, kerana seperti saya katakan tadi tiap-tiap hari kita mempunyai banyak perkara yang hendak dibincangkan. Dua

Kementerian hendak kita bincangkan dan kalau sekiranya masih kita merugikan masa di atas perkara-perkara hanya untuk mendapatkan publisiti murah seperti ini, walaupun sudah menang di Seremban, carilah cara yang lebih sesuai. Menang dengan orang perempuan pun tidak mengapalah, menang juga. Itu pun sudah tahan. Saya haraplah selepas jawapan saya ini, tidak payah lagi disebut-sebut tentang hendak potong gaji, tahun hadapan barangkali kita buat usul lain pula. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B. 30, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (1), Pentadbiran Am; (a) Pentadbiran diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang sejumlah \$1,359,367,000 untuk Kepala B. 30, B. 31, B 32, B 33 dan B. 34 jadi sebahagian daripada jadual, sekarang ini terbuka sekali lagi untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.45 ptg.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan B. 30, Butiran 1100, Program (3), Perkhidmatan dan Kawalan Kewangan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi pada umumnya bahawa prestasi perjalanan, keupayaan dan kemampuan Kementerian ini adalah memuaskan tetapi bak kata pepatah

Melayu: Gading mana yang tidak retak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan.

Di atas hasrat itulah saya suka menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan dan kawalan kewangan. Pada hemat saya bahagian perkhidmatan dan kawalan kewangan ini adalah satu bahagian yang sangat penting. Ianya merupakan suatu nadi penggerak di dalam pengendalian Kementerian ini. Oleh sebab itu keupayaannya perlulah dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya dapat benar-benar badan ini menunjukkan prestasi yang sesuai dengan hasrat negara dan rakyat yang diamanahkan kepada Kementerian ini supaya dapat menunjukkan pengendalian wang negara dengan cara yang lebih sempurna dari masa ke semasa.

Kalau kita melihat kepada laporan audit umpamanya, saya suka bagi contoh dalam tahun 1981 misalnya kita dapati umpamanya kita mengambil satu badan, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara misalnya. Saya hendak quote kenyataan audit, Tuan Pengerusi:

“Pemberian oleh Kerajaan Persekutan kepada Lembaga untuk pengurangan dalam tahun 1981 ialah sebanyak \$10,719,311. Dari jumlah ini, Lembaga membelanjakan sebanyak \$8,040,144 meninggalkan baki sebanyak \$2,675,167. Dengan itu lebih pendapatan dan perbelanjaan meningkat dari \$14,602,795 pada akhir tahun 1980 kepada \$17,277,962 itu sebanyak \$6,274,361 merupakan bahagian pemberian Kerajaan Negeri Pahang yang masih belum dijelaskan dan jumlah mungkin tidak akan dijelaskan. Jika angka ini tidak diambil kira maka kelebihan terkumpul dari pemberian pengurusan yang diberi oleh

Kerajaan Persekutuan berjumlah sebanyak \$11 juta pada akhir tahun 1981.

Selain daripada pemberian pengurusan dari Kerajaan Persekutuan yang dikanunkan di bawah Dana Pengurusan Lembaga juga mempunyai pendapatan dari sumbernya sendiri yang diakaunkan di bawah Dana reserve. Dalam tahun 1981 pendapatan dari sumber sendiri ialah berjumlah \$8,174,957 tetapi hanya \$992,099 telah dibelanjakan, tinggal lebih sebanyak \$7,182,828. Dengan itu lebih pendapatan terkumpul di bawah Dana reserve telah meningkat dari \$13,157,571 pada akhir tahun 1980 kepada \$20,090,429 pada akhir tahun 1981, selepas dipindahkan sebanyak \$250,000 untuk menambahkan kumpulan wang pusingan pinjaman kenderaan."

Satu lagi contoh barangkali kalau tahun 1981 ini telah berlaku kecuaiian tetapi dalam tahun 1982 kita ambil satu contoh pula dalam laporan audit yang terkandung di dalam Laporan Tahunan LUTH 1982 dalam muka surat 51 berbunyi demikian:

"Mengikot pada empat teguran audit dalam sijil audit dalam tahun 1982 terdapat berlebihan bantuan Kerajaan sebanyak \$1,209,385 dan keputusan belum lagi diambil ke atas berlebihan bantuan itu."

Maksud saya supaya badan ini hendaklah diperkemaskan dan badan ini hendaklah seharusnya dapat mengenalpasti mana-mana jabatan, mana-mana Kementerian atau badan-badan berkanun yang tidak menunjukkan prestasinya di dalam menjalankan operasi pembangunan di Kementerian atau jabatan ataupun badan-badan berkanun itu patutlah dikurangkan peruntukan bagi tahun-tahun ke hadapan atau berikutnya. Sebaliknya mana-mana jabatan atau

Kementerian yang telah menunjukkan kemajuan di dalam dasar membelanjakan wang di Kementerianannya maka patutlah pada tahun-tahun yang akan datang atau yang berikutnya diberi tambahan yang lebih.

Ini adalah merupakan satu insentif kepada mereka yang berdedikasi, yang mempunyai semangat, yang mempunyai perancangan yang teliti, yang teratur di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat atau Kerajaan kepada mereka itu. Kerana kita tahu ada Kementerian-kementerian yang tidak cukup wang tetapi mereka mempunyai keupayaan di dalam melaksanakan pembangunan di dalam negara ini, maka Kementerian-kementerian atau jabatan yang seumpama itu apakala mereka memohon tambahan bagi perbelanjaan yang berikutnya bagi tahun-tahun ke hadapan patutlah ditambah. Jadi, dengan cara yang demikian, saya rasa dapatlah setiap sen wang dibelanjakan, dilaburkan di dalam pembangunan ataupun di Kementerian-kementerian ini dapat menuju sasaran matlamat atau objektif yang telah dirancang.

Maka sekali lagi saya berharap supaya Badan Perkhidmatan dan Kawalan Kewangan ini perlu diperkemaskan dan dapat memberikan insentif kepada mana-mana pihak yang menunjukkan kemajuan. Dengan ini saya menyokong di atas permintaan Kementerian ini di bawah Maksud B. 30 hingga B. 34. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.54 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam

perbahasan Anggaran Perbelanjaan untuk Maksud Bekalan B. 33 dalam muka surat 346 iaitu berkaitan dengan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Saya ingin menyentuh Program (3) iaitu Pungutan Cukai Dalam Negeri dan apa yang saya ingin bangkitkan ialah tentang Pungutan Cukai Perkhidmatan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja.

Tuan Pengerusi, semasa membahaskan Belanjawan tahun 1984 baharu-baharu ini saya telah bercakap mengenai keadaan pengusaha-pengusaha restoran sederhana dan kecil berhubung dengan Cukai Perkhidmatan (Service Tax) 10% yang dikenakan ke atas mereka oleh Kerajaan sekarang. Dalam perbahasan itu saya telah mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang rayuan yang telah dibuat oleh pengusaha-pengusaha restoran itu melalui Persatuan mereka kepada Kementerian untuk merayu supaya Cukai Perkhidmatan 10% itu dihapuskan ataupun sekurang-kurangnya dikurangkan.

Tuan Pengerusi, sejak dikenakan Cukai Perkhidmatan 10% para pengusaha pusat makanan yang terletak di luar hotel masih terus melahirkan kebimbangan dan kedukaan mereka dan jika Cukai Perkhidmatan 10% itu tidak disemak semula maka ia akan memberi kesan yang serius ke atas perniagaan mereka. Syarat yang memerlukan semua restoran atau pusat makanan yang memperoleh jumlah jualan tahunan sebanyak \$500,000 ke atas supaya membayar Cukai Perkhidmatan 10% telah menyebabkan banyak restoran dan pusat makanan kecil dan sederhana seperti pengusaha-pengusaha makan segera tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan ini. Banyak restoran-restoran kecil yang sering dilanggan oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana

juga terlibat. Banyak rumah kopi dan kedai makanan yang popular di Kuala Lumpur yang menjadi pusat makan untuk orang ramai adalah juga tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan 10% ini. Pengenaan Cukai Perkhidmatan 10% ke atas pusat-pusat makanan ini telah menjejaskan perniagaan kerana bilangan pelanggan semakin berkurangan yang merasakan bahawa Cukai Perkhidmatan itu sebagai satu beban tambahan kepada mereka apabila dijumlah ke dalam kira-kira makanan mereka.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa aktiviti memakan di luar bukanlah satu kemewahan kepada keluarga-keluarga ataupun rakyat di negara kita yang pergi ke restoran kecil dan sederhana bagi mendapatkan hidangan makanan biasa sebagaimana mereka dapati sukar untuk memasaknya di rumah. Mengenakan Cukai Perkhidmatan 10% ke atas mereka pada anggapan saya adalah tidak adil.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa banyak pusat makanan kecil dan sederhana seperti restoran dan rumah kopi yang terletak di luar hotel bergantung kepada orang-orang biasa untuk perniagaan mereka. Jika golongan pelanggan seumpama itu tidak lagi berkunjung ke kedai atau restoran mereka disebabkan oleh Cukai Perkhidmatan 10% maka perniagaan mereka akan menerima akibat yang serius dan banyak pula yang ditutup kerana tidak berupaya meneruskan perniagaan. Saya menggesa Kerajaan supaya memberikan pertimbangan yang serius kepada keadaan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha restoran dan kedai makanan kecil di luar hotel dan bertindak seperti berikut iaitu mengurangkan Cukai Perkhidmatan daripada 10% kepada 5% dengan tujuan untuk memberi sedikit nafas kepada pusat-pusat makanan yang terlibat dan juga membantu

mengurangkan beban kewangan yang dipikul oleh orang ramai yang makan di luar atau menaikkan paras jumlah jualan tahunan dari \$500,000 ke \$1 juta supaya banyak restoran kecil dan sederhana terkeluar dan tidak termasuk dalam syarat Cukai Perkhidmatan itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 30 berkenaan dengan Perbendaharaan pada muka surat 329 dan saya ingin merujuk kepada perkara Pentadbiran.

Dalam hubungan ini saya suka menggesa Perbendaharaan supaya mengambil satu pandangan yang sangat serius mengenai kehilangan sejumlah \$20.26 juta untuk hasil Persekutuan kerana kecuaiannya seorang pegawai Kerajaan di jabatan berkenaan. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam Lapornya kepada Parlimen telah pun mencatatkan kejadian itu. Pegawai yang bertanggungjawab atas penjualan petroleum telah cuai dalam tugasnya kerana gagal memberi jawapan kepada surat tawaran yang diterima dari syarikat Shell.

Beliau juga gagal merujuk surat itu ke pihak Perbendaharaan Malaysia yang bertanggungjawab atas hal-ehwal cukai. Oleh sebab kecuaiannya tersebut maka Kerajaan telah hilang peluang mengutip hasil sebanyak lebih kurang \$20.26 juta yang telah dipelawakan oleh syarikat itu. Ini bukan berlaku sekali sahaja. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara selanjutnya mendapati bahawa pegawai yang sama yang bertanggungjawab ke atas kehilangan \$6.15 juta dalam jualan minyak sawit mentah oleh Kementerian Perusahaan Utama. Pegawai tersebut gagal menguatkuasakan syarat kontrak jualan yang menghendaki pembeli-pembeli mengadakan surat berhutang (letter of credit) sebelum mengambil dan mengangkut minyak yang dibeli itu.

Kecuaian pegawai berkenaan telah begitu nyata dari awal lagi semenjak pihak pembeli gagal mengadakan surat berhutang sebelum mengangkut minyak yang dijual dan bayaran tidak diterima oleh Kerajaan. Apa yang sangat mendukacitakan ialah tindakan tidak pun diambil ke atas pegawai yang berkenaan yang bertanggungjawab ke atas kehilangan hasil yang berjumlah masing-masing \$20.26 juta dan \$6.15 juta. Alasan sebab-sebab tindakan tidak dapat diambil ke atas pegawai berkenaan ialah kerana beliau telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan adalah tidak dapat diterima.

Saya menggesa Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan supaya memeriksa semula peraturan-peraturan kewangannya yang ternyata tidak cukup tegas dan tidak berkesan jika tindakan tidak boleh diambil ke atas seorang pegawai yang cuai hanya disebabkan beliau telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Jika demikian maka sekiranya mana-mana pegawai yang cuai boleh terlepas dari tindakan Kerajaan jika beliau meninggalkan perkhidmatan Kerajaan walaupun terdapat bukti-bukti yang cukup yang menunjukkan bahawa akibat kecuaiannya hasil negara tidak boleh dikutip.

Saya menggesa Perbendaharaan atau Menteri yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah mengemaskan lagi jentera kutipan hasil dan untuk mencegah kecuaiannya daripada berlaku dalam jabatan yang berkenaan.

Perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Maksud Bekalan 34—Jabatan Hasil Dalam Negeri pada muka surat 359, Anggaran Perbelanjaan 1984 dan saya ingin bercakap di bawah perkara Pentadbiran juga.

Saya suka mengambil peluang ini untuk mencadangkan kepada Jabatan

Hasil Dalam Negeri supaya menimbang dan menubuhkan satu Perkhidmatan Kepakaran Pengaduan Cukai (Specialised Tax Complaint Service) bagi memberi nasihat dan panduan kepada sebilangan besar pembayar-pembayar cukai yang selalu tidak faham mengenai perkara-perkara berkaitan dengan peraturan-peraturan yang mempunyai masalah-masalah mengenai cukai untuk memberi peluang adil kepada mereka menjelaskan kedudukan sebenar hal-hal cukai mereka.

Dalam pandangan saya terdapat satu keperluan mengadakan perkhidmatan seumpama ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya juga mencadangkan bahawa seorang pakar perkhidmatan aduan, seorang yang mempunyai pengetahuan yang sangat luas mengenai peraturan cukai boleh ditempatkan di sebuah pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi membantu pembayar-pembayar cukai yang menghadapi masalah-masalah tentang cukai.

Pada amnya Jabatan Hasil tidak memberikan pengetahuan dan maklumat yang cukup kepada bakal-bakal pembayar cukai mengenai bila mereka dikehendaki membayar cukai pendapatan. Ramai orang tidak sedar bahawa mereka mestilah secara sukarela mengemukakan penyata pendapatan mereka. Kebanyakan mereka menunggu Jabatan tersebut mengirimi borang kepada mereka. Meskipun golongan berada dan kaya mampu berunding dengan perunding cukai mereka tetapi bagi rakyat biasa, bagi rakyat jelata sebuah Yunit Perkhidmatan Cukai seperti yang saya cadangkan ini akan sangat memberi pertolongan kepada mereka.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan berkenaan supaya menyemak

semula ke atas wang denda yang tinggi ke atas pembayar-pembayar cukai yang gagal mengemukakan penyata pendapatan mereka dan menentukan sama ada terdapat kemungkinan mengadakan satu kadar yang seragam (uniform rate). Saya harap Jabatan berkenaan akan juga menimbang melanjutkan tempoh rayuan selama 30 hari oleh kerana tempoh ini terlalu singkat bagi pembayar-pembayar cukai yang terlibat untuk mengemukakan rayuan mereka. Selanjutnya akibat kelewatan pos, satu tempoh masa yang panjang hendaklah diberi kepada pembayar-pembayar cukai yang menghadapi kesusahan untuk merayu dan diberi peluang yang adil kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

5.08 ptg

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok); Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 33, mukasurat 346—Jabatan Kastam dan Eksais di Raja, Butiran 1100, Program (1), (2) dan (5).

Tuan Pengerusi Jabatan Kastam dan Eksais di Raja adalah diberi tugas sebagai pemungut terbesar hasil negara dan juga pembenteras segala bentuk penyelewengan terhadap hasil negara. Oleh itu saya rasa adalah wajar Jabatan ini diberi perhatian istimewa. Kerajaan hendaklah memandang berat simpang siur yang berlaku di dalam Jabatan Kastam ini. Kelemahan-kelemahan yang boleh menyekat dan menghalang prestasi Jabatan hendaklah diatasi supaya ia benar-benar menjadi Jabatan yang cekap, kemas dan bersih yang boleh memikul tanggungjawab dan peranan yang diberikan kepadanya. Dengan ini Jabatan Kastam dapat memungut hasil negara yang lebih tinggi dari setahun ke

setahun dalam mana hasil-hasil negara yang sepatutnya dipungut dapat dipungut oleh Jabatan ini.

Kerajaan hendaklah memandang setiap kelemahan yang terdapat dalam bahagian pentadbiran Jabatan ini kerana bahagian inilah kunci kepada cekap dan lemahnya suatu Jabatan. Sekiranya bahagian ini lemah, maka mahlah seluruh bahagian-bahagian lain di dalam Jabatan ini yang akhirnya membawa kepada lemahnya Jabatan ini. Kelemahan di bahagian ini boleh wujud bilamana pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan kurang dedikasi diletakkan di cawangan ini.

Keadaan semacam ini berlaku adalah kerana lemahnya sistem yang memilih kenaikan pangkat seseorang pegawai. Terdapat pegawai yang tidak bertanggungjawab diberi kenaikan pangkat sedangkan pegawai-pegawai yang bertugas dengan penuh rasa tanggungjawab, bermoral dan dedikasi terus tidak dinilai prestasi kerja yang ditunjukkan itu. Gejala ini boleh menyebabkan ataupun melemahkan moral dan motivasi pegawai-pegawai yang ingin bekerja bersungguh-sungguh.

Di dalam jabatan yang tertutup seperti Kastam ini sememangnya simpang-siur mengenai kenaikan pangkat boleh berlaku. Apa yang dibimbangkan, Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai yang rapat dengan golongan-golongan tertentu yang berpeluang naik pangkat biarpun tanggungjawab dan prestasi kerjanya kurang baik, terdapat juga pegawai yang hanya untuk mengisi tempat kosong sahaja yang tidak terlatih di bidang pengurusan. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah meneliti cara mana kenaikan pangkat itu diamalkan supaya mereka yang betul-betul layak sahaja yang berhak dinaikkan pangkat biarpun ianya tidak mempunyai pertalian peribadi dengan orang-orang yang tertentu. Dasar

kenaikan pangkat hendaklah berasaskan bukan sahaja kepada lamanya pegawai itu bertugas, malah tanggungjawab, dedikasi dan kelulusan yang dipunyai oleh seseorang itu hendaklah diambil kira.

Sepanjang pengetahuan saya, hanya segelintir pegawai-pegawai yang berijazah memegang jawatan-jawatan yang bertaraf Tingkatan tertinggi "J" ke atas. Sebarang amalan pilih kasih di dalam soal kenaikan pangkat ini hendaklah dihapuskan. Sekiranya keadaan-keadaan ini tidak dipandang serius oleh Kerajaan, hanya bersahaja maka komplot yang bercorak "inter-personal" akan wujud di dalam Jabatan ini.

Individu dalam Jabatan ini enggan menjalankan tugas dengan betul dan penuh tanggungjawab bilamana kehendaknya tidak dapat dipenuhi oleh organisasi Jabatan ini. Semangat kerja di kalangan pegawai menjadi lemah, akhirnya kesan pasti darinya lemahlah kuasa Jabatan ini di dalam tanggungjawab memungut hasil-hasil negara dan mencegah penyelewengan ke atas hasil negara.

Berbalik kepada B. 33, kalau dibandingkan bangunan-bangunan Jabatan Kastam dengan bangunan lain-lain Jabatan khususnya bangunan pejabatnya, adalah jelas sekali perbezaannya. Bangunan-bangunan Pejabat Kastam yang terdapat di Semenanjung sekarang tidak sesuai sebagai apa yang dipanggilkan pejabat. Adalah menjadi perkara biasa pegawai-pegawai Kastam dihimpun atau dikumpulkan di dalam satu bilik yang sempit, kadangkala terdapat pegawai-pegawai yang terpaksa berkongsi tempat duduk. Keadaan-keadaan ini hendaklah dipandang sebagai boleh menjejaskan prestasi Jabatan ini di dalam memungut hasil negara. Keselesaan tempat bekerja memang penting sekali. Wujudnya kesesuaian yang baik boleh

meningkatkan daya ingin bekerja secara ikhlas di kalangan pegawai-pegawai, begitu juga dengan keperluan lahir seperti kemudahan telefon dan sebagainya. Perkara ini hendaklah diambil kira dalam hendak meningkatkan mutu kerja di kalangan pegawai di dalam Jabatan ini.

Latihan-latihan yang cukup di kalangan pegawai adalah merupakan faktor penting dalam meningkatkan prestasi Jabatan ini. Pada masa ini terdapat setengah pegawai Kastam yang baru diambil diberi tugas tanpa diberi latihan terlebih dahulu hingga di setengah tempat pegawai Kastam terpaksa mengalah kepada orang awam dalam perkara meletakkan cukai kerana orang awam ini lebih tahu. Faedah latihan ini memang penting lebih-lebih lagi dalam perkara penjenisan barang-barang kerana sekiranya silap meletakkan sesuatu kos memang pasti cukai yang dipungut berbeza. Jadi sebelum pegawai baru diberi tugas, ianya terlebih dahulu diberi latihan yang cukup khususnya dalam perkara penjenisan gred cukai ataupun tarif kos. Kurang faham ataupun kurang bijak dalam perkara ini di kalangan pegawai-pegawai berkenaan akan melibatkan hasil negara yang sepatutnya dipungut tidak dapat dipungut.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan latihan di kalangan pegawai Kastam ini, pihak Maktab Latihan hendaklah bijak menyusun dan mengatur program-program kursus yang dikira boleh mempertingkatkan kemampuan tenaga bagi menghadapi tugas Jabatan. Program-program yang berbentuk amali hendaklah diperbanyakkan supaya apa yang diajar dapat dipraktikkan secara terus oleh pelatih-pelatih. Di kalangan pelatih pula, mereka ini akan mengikuti program latihan secara bersungguh-sungguh bilamana pihak Maktab Latihan mengeluarkan peringkat-peringkat sijil mengikut peringkat-peringkat

kelulusan. Apatah lagi bilamana sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Maktab ini merupakan syarat utama di dalam pemilihan kenaikan pangkat seseorang pegawai. Tetapi sayangnya perkara semacam ini kurang diberi perhatian oleh Jabatan ini dalam hendak meningkatkan prestasi kerja di kalangan pegawai.

Sesebuah Jabatan itu cekap sememangnya bergantung kepada cekapnya kakitangan. Kakitangan-kakitangan ini pula akan bertambah cekap bilamana bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya bersesuaian dengan kelulusannya. Apa yang difahamkan kepada saya pada masa ini penempatan gunatenaga pegawai-pegawai kanan tidak diambil kira. Kebanyakan pegawai-pegawai kanan tidak ditempatkan di bahagian-bahagian yang kena pada tempatnya. Contohnya, ada setengah-setengah pegawai yang berkelulusan Sastera diletakkan di tempat-tempat yang memerlukan kelayakan dalam Ekonomi. Keadaan ini hendaklah diambil kira kerana ia boleh menolong meningkatkan prestasi Jabatan ini yang seterusnya boleh memperkembangkan pemungutan hasil negara.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Timbalan Menteri menjawab bagi pihak Menteri Kewangan.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada 4 orang Ahli yang telah membahaskan anggaran perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan di bawah Kementerian Kewangan iaitu bagi Maksud-maksud B. 30 hingga 34 dan P. 30, P. 33 dan P. 66.

Pada keseluruhannya semua pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat tadi akan diteliti secara lebih mendalam lagi oleh Kementerian dan di mana menasabah dan sesuai cadangan-cadangan itu akan diambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan syor-syor tersebut.

Dalam pada itu sebelum saya menjawab satu persatu cadangan-cadangan yang dikemukakan, izinkan saya terlebih dahulu menerangkan sedikit dengan ringkas perkara-perkara penting bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan di bawah Kementerian ini. Di dalam Anggaran Belanja Mengurus, Maksud B. 30 Perbendaharaan, di tahun 1984 Perbendaharaan Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$76.8 juta iaitu tambahan kira-kira 3% sahaja jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1983. Peruntukan-peruntukan yang diperlukan ini adalah bagi tujuan Gaji, Perkhidmatan dan Bekalan, Pemilikan Harta Modal dan berkenaan Bayaran Tetap. Di bawah Maksud B. 31 Perkhidmatan dan Khidmat Am dan Perbendaharaan, bagi tahun 1984 peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud ini ialah sebanyak \$949.027 juta dan ini jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1983 tambahannya sebanyak 32.6%.

Sebahagian besar daripada peruntukan bagi tahun 1984 ialah bagi bayaran subsidi yakni subsidi bagi bahan-bahan petroleum. Ini merupakan kira-kira \$750 juta dan merupakan hampir 79% dari semua peruntukan subsidi.

Selain daripada itu juga peruntukan terbesar di bawah B. 31 ini ialah bagi Perkhidmatan Rahsia sebanyak \$115 juta dan pelaburan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebanyak \$45 juta. Kemudian itu sebanyak \$20 juta pula yang dikehendaki di bawah Maksud Bekalan ini ialah untuk perbelanjaan 5% kos perkhidmatan

yang diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B. 32 Kumpulan wang Berkanun. Di bawah Maksud ini peruntukan yang dikehendaki ialah sebanyak \$136.5 juta. Ini merupakan tambahan sebanyak 8.33% dibandingkan dengan peruntukan tahun 1983. Peruntukan yang dikehendaki di bawah Maksud Bekalan ini ialah untuk tujuan Kumpulanwang Cadangan untuk Negeri iaitu sebanyak \$110 juta. Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan sebanyak \$26.5 juta.

Di bawah Maksud B. 33 Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Jabatan ini memerlukan sebanyak \$120.6 juta untuk Belanja Mengurus bagi tahun 1984 berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1983. Peruntukan ini telah bertambah sebanyak \$13.3 juta.

Peruntukan di bawah Maksud Bekalan ini adalah untuk gaji, perkhidmatan dan bekalan, menyediakan harta modal dan pemberian dan kenderaan dengan bayaran tetap.

Bagi Maksud B. 34 Jabatan Hasil Dalam Negeri, Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan bagi Jabatan ini untuk tahun 1984 ialah sebanyak \$76.4 juta berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1983. Peruntukan ini telah bertambah sebanyak \$7.6 juta atau 10.1%. Sebahagian besar tambahan ini adalah untuk menampung kenaikan gaji dan juga pengisian jawatan-jawatan kosong di dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Di bawah Maksud Perbelanjaan Pembangunan Maksud P. 30 peruntukan sejumlah \$202.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 30. Peruntukan bagi tahun 1984

adalah berkurangan sebanyak \$6.1 dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1983. Sebahagian besar daripada peruntukan itu adalah bagi projek Urea/Ammonia ASEAN, Malaysia iaitu sebanyak \$150 juta. Manakala yang selebihnya adalah bagi lain-lain peruntukan termasuk peruntukan kepada Bank Simpanan Nasional, Perbadanan Perusahaan Malaysia Berhad (HICOM), Pusat Latihan Penilaian dan ASEAN Copper Fabrication, Filipina.

Di bawah Maksud P. 33 Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja berjumlah \$20.07 juta adalah diperlukan bagi peruntukan di bawah Maksud Pembangunan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi pembinaan Pejabat-pejabat Kastam, Rumah-rumah Kediaman Pegawai-pegawainya, dan juga untuk pembelian kenderaan, lanci dan lain-lain kelengkapan.

Di bawah Maksud P. 66 Simpanan Luar Jangkaan. Peruntukan berjumlah \$600 juta adalah diminta bagi mendahulukan perbelanjaan untuk projek-projek yang mana peruntukannya tidak mencukupi ataupun telah tidak disediakan peruntukannya.

Dari perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, pertamanya ialah berkenaan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan Jabatan Kastam yang mengharapkan supaya sesuatu dibuat terutama sekali berkaitan dengan mengemaskan jabatan yang berkenaan. Beliau juga telah menyentuh tentang kemungkinan berlakunya perkara yang tidak diinginkan berkaitan dengan kenaikan pangkat terutama sekali kalau jabatan itu merupakan satu jabatan tertutup.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan atau Kementerian, oleh sebab jabatan ini di bawah Kementerian, sentiasa meneliti dan memastikan perkara-perkara yang tidak baik berlaku terutama sekali berkaitan pilih kasih dan sebagainya tidak berlaku di dalam exercise kenaikan pangkat.

Dalam pada itu, barangkali seseorang pegawai dinaikkan pangkat kerana keupayaannya yang amat baik di peringkat-peringkat tertentu. Tetapi disedari kemudian daya usaha pegawai tersebut hanya setakat itu sahaja dan apabila dinaikkan pangkatnya, beliau tidak berupaya menjalankan tugas-tugas yang lebih berat. Dalam pada itu sememangnya sentiasa diharapkan supaya mereka yang diberi peluang untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi ini menjalankan tugas dengan baik, dengan cekap supaya memberi lebih perkhidmatannya kepada Jabatan-jabatan berkenaan.

Berkenaan dengan latihan seperti juga yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, sebenarnya latihan-latihan sememangnya diberi kepada pegawai-pegawai terutamanya pegawai-pegawai baru. Kita kini mempunyai satu pusat latihan di Melaka yang boleh dikatakan baik bagi melatih pegawai-pegawai kastam. Tetapi maklum sahajalah kadangkala, walaupun telah mendapat latihan-latihan bukanlah bererti bahawa beliau itu mengetahui semuanya, terutama sekali sekiranya latihan yang diberi itu tidak dapat diberi sepanjang-panjang yang diperlukan memandangkan bahawa pegawai-pegawai Kastam perlu ditugaskan apabila sahaja mendapat latihan yang difikirkan memadai. Tambahan pula pelanggan-pelanggan ataupun orang-orang business, oleh sebab lama terlibat dalam perniagaan berkenaan, walaupun dia bukan Pegawai Kastam, dia boleh

mengetahui lebih banyak lagi daripada Pegawai Kastam. Ini bukan merupakan perkara yang anih, orang luar walaupun dia bukan Pegawai Kastam, juga boleh mengetahui. Barangkali dia telah mengendalikan barang itu atau perniagaan itu begitu lama. Jadi berlakulah keadaan di mana terdapat Pegawai-pegawai Kastam ini terpaksa ditunjukkan ataupun sengaja peniaga itu hendak menunjukkan dia pandai, dia cuba mengajar pegawai itu. Ini mungkin berlaku, tetapi saya percaya tidak selalu berlaku.

Berkenaan dengan rumah dan pejabat, seperti saya nyatakan pada awal-awal tadi, sebanyak \$20.07 juta telah diperuntukkan di bawah Maksud Pembangunan Jabatan Kastam, selain daripada membeli kenderaan, lanci dan sebagainya, sebahagiannya juga akan digunakan untuk Pejabat-pejabat Kastam dan juga rumah-rumah kediaman.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyebut tentang cukai perkhidmatan. Ada benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, barangkali berkemungkinan dengan adanya cukai perkhidmatan ini, sebahagian daripada perniagaannya merosot sedikit oleh sebab terpaksa mengenakan bayaran yang lebih tinggi dibandingkan dengan harga sebelum ada cukai perkhidmatan.

Dalam pada itu pada fikiran Kementerian Kewangan satu-satu restoran yang menjual lebih daripada \$500,000 setahun tidaklah boleh dikatakan sebagai restoran, ataupun kedai makan, yang kecil lagi dan mereka yang pergi ke kedai-kedai tersebut, kedai yang tidak lagi dianggap kecil itu, seharusnya tidak begitu bimbang dan ragu-ragu untuk membayar cukai perkhidmatan sebanyak 10% kerana saya sendiri tidak menganggap mereka itu orang di dalam golongan kemiskinan.

Selain daripada itu kalaupun terdapat pekedai-pekedai atau mereka yang berniaga ataupun pengusaha-pengusaha yang kurang senang dengan cukai perkhidmatan, sebenarnya mereka itu bukannya takut membayar cukai perkhidmatan sebab cukai itu dipasskan kepada pelanggan tetapi sebenarnya pekedai itu takut diketahui oleh pihak berkuasa bahawa kedainya telah meningkat besar ertinya sudah boleh berjual sampai lebih daripada \$500,000 setahun. Dia lebih takut pihak berkuasa tahu pendapatannya, sebab dari penjualan tadi kita boleh tahu lebih kurang keuntungannya. Ini ada kaitan dengan pembayaran cukai pendapatan. Jadi kita fikir \$500,000 ini buat sekarang ini merupakan angka yang agak menasabah dan kita, pada ketika ini, tidak berfikir untuk mengurangkan dari segi peratusan cukai perkhidmatan ataupun hendak menaikkan hak minima sebelum ianya dikenakan cukai perkhidmatan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi.

Satu lagi perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah berkaitan dengan pembayaran ataupun jangka waktu yang diperlukan untuk membayar cukai—kalau tidak silap saya tadi. Sekarang ini waktu yang dibenarkan ialah kira-kira sebulan atau 30 hari dan kita fikir waktu seperti yang ada sekarang ini agak mencukupi dan berpatutan bagi mereka yang benar-benar memikirkan tanggungjawab mereka untuk membayar di mana yang mereka kena.

Berkenaan dengan cadangan untuk mengadakan Specialised Tax Complaint Service ataupun Perkhidmatan Kepakaran Pengaduan Cukai seperti apa yang diterjemahkannya tadi, dengan izin, Specialised Tax Complaint buat sementara ini sehingga kita dapat terjemahan yang baik.

Tuan Pengerusi, memangnya sekarang ini, walaupun tidak ada perkhidmatan yang khusus seperti ini, walaupun tidak ada lagi perkhidmatan yang khusus di mana seseorang itu boleh pergi untuk mendapatkan bantuan berkenaan dengan cukainya, tetapi sekarang ini Jabatan Hasil Dalam Negeri sebenarnya sentiasa memberi layanan, sentiasa memberi bantuan, sentiasa memberi pertolongan kepada mereka yang kurang mengetahui ataupun memerlukan bantuan berkaitan dengan cukai ini. Jadi kalau sekiranya ada masalah-masalah, yang berkenaan itu boleh berjumpa dengan pegawai-pegawai yang sedia ada, walaupun kita belum ada service ataupun perkhidmatan yang khusus ini, bagi mengendalikan tentang complaint cukai. Jadi saya rasa bolehlah mereka yang memerlukan bantuan mendapat bantuan-bantuan daripada pegawai-pegawai yang ada sekarang ini.

Saya rasa Tuan Pengerusi, itulah perkara-perkara yang perlu diberi penjelasan secara terperinci dari cadangan-cadangan ataupun dari kemusykilan-kemusykilan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Sekali lagi bagi pihak Kementerian, saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, Kuala Lumpur Bandar dan Bachok yang telah memberi pandangan mereka terhadap Belanjawan yang dikemukakan di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$76,823,200 untuk Maksud B. 30; \$949,027,000 untuk Maksud B. 31; \$136,500,000 untuk Maksud B. 32; \$120,625,300 untuk Maksud B. 33 dan \$76,391,500 untuk Maksud B. 34 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$76,823,200 untuk Maksud B. 30; \$949,027,000 untuk Maksud B. 31; \$136,500,000 untuk Maksud B. 32; \$120,625,300 untuk Maksud B. 33 dan \$76,391,500 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$202,960,110 yang disebutkan dalam Maksud P. 30: \$2,070,030 untuk Maksud P. 33 dan \$600,000,000 untuk Maksud P. 66 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$202,960,110 untuk Maksud P. 30; \$2,070,030 untuk Maksud P. 33 dan \$600,000,000 untuk Maksud P. 66 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Maksud B. 35 (Jadual)—

Maksud P. 35 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 35 dan Kepala Pembangunan P. 35 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Lumut.

5.40 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk merujuk kepada Maksud Bekalan B. 35, Butiran 1100, 2—Program (2)—Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Tuan Pengerusi, pada tinjauan saya masalah pengangkutan awam di pulau-pulau peranginan patut diperkemaskan

lagi. Misalnya Pulau Pangkor, iaitu kawasan pilihanraya saya, mengalami masalah kekurangan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan teksi pada hari minggu yang bertambah teruk pada musim pelancongan apabila kawasan itu dikunjungi pelancong-pelancong. Betapa teruk keadaannya boleh digambarkan oleh peristiwa-peristiwa yang berulang-ulang yang mana nelayan-nelayan tertinggal oleh bot-bot mereka kerana terputusnya perkhidmatan-perkhidmatan teksi bagi perjalanan mereka ke pelantar-pelantar perikanan. Punca masalahnya ialah pemandu-pemandu teksi lebih berminat dan ghairah memilih mengangkut pelancong-pelancong daripada nelayan-nelayan yang hendak pergi ke laut. Akibatnya, perkhidmatan-perkhidmatan teksi yang asalnya ditujukan kepada penghuni-penghuni tempatan menjadi hakmilik pelancong-pelancong semata-mata. Walau bagaimanapun, terhadapnya bilangan teksi pun kadangkala menyulitkan para pelancong. Tidak begitu adil jika kita mempersalahkan kelakuan pemandu-pemandu teksi kerana mereka terpaksa mencari nafkah yang lebih menguntungkan mereka.

Tuan Pengerusi, satu langkah yang agak sesuai dan berkesan untuk mengatasi masalah seumpamanya ialah pengwujudan sistem kereta "tut-tut", sepertimana yang terdapat di negara jiran kita, iaitu Thailand. Pada pendapat saya perkhidmatan-perkhidmatan kereta tut-tut patut dilesenkan bagi pulau-pulau peranginan, tertakluk kepada tambang-tambang yang agak murah. Kereta-kereta tut-tut yang membanjiri Bangkok dan Haadnyai didapati sesuai, lebih-lebih lagi pengangkutan awam itu boleh menjadi tarikan bagi pelancong-pelancong.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi

akan bertukar wajah dan berwarna-warni jika kereta tut-tut diperkenalkan. Pengangkutan awam itu mempunyai ciri-ciri yang lebih praktik dan menguntungkan jika dibanding dengan kereta-kereta teksi yang terdapat sekarang kerana ia boleh membawa sebanyak 10 orang penumpang, melebihi capacity teksi sebanyak 100%.

Alasan kedua ialah jalanraya-jalanraya di Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi adalah sempit yang berukuran lebih kurang 15 kaki. Dengan sistem sekarang teksi-teksi yang berbaris-baris di sebelah jeti-jeti untuk menunggu ketibaan para pelancong telah menyebabkan kesesakan. Badan kereta tut-tut yang lebih pendek ukurannya akan mengurangkan kesesakan atau kemalangan lalulintas. Tambahan pula, masalah pemandu-pemandu teksi yang tidak memiliki lesen-lesen teksi sendiri akan berpeluang memperolehi lesen-lesen tut-tut yang bakal dikeluarkan kepada mereka.

Perlu juga diambil kira ialah jika pemilik-pemilik teksi berminat mengubah syarat-syarat lesennya kepada bentuk kereta tut-tut, Lembaga Pelesenan patut menerimanya.

Kesimpulan saya ialah jika Kementerian Perusahaan Awam akan meminda Akta Pengangkutan Jalan 1958 pada bulan April tahun depan untuk tujuan memperlesenkan beca-beca yang bermotor, maka adalah wajar jika pindaan-pindaan itu akan merangkumi peruntukan-peruntukan untuk pelesenan kereta tut-tut di pulau-pulau peranginan.

Pada akhirnya saya ingin merakamkan sokongan saya terhadap Maksud Bekalan B. 35.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.48 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya akan membincangkan Butiran 4100, Program (6), Pemberian Subsidi Harga Padi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah pun memperuntukkan sejumlah \$178,700,000 bagi maksud pembayaran subsidi padi pada tahun 1984. Ini adalah merupakan satu insentif kepada petani-petani padi bagi mengusahakan penanaman padi dengan lebih gigih pada masa-masa yang akan datang dan semoga ianya akan memberi hasil yang lebih banyak kepada negara dan dengan ini akan mengurangkan import beras negara kita.

Saya inginlah mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya dapat membuat kajian-kajian yang mendalam tentang cara-cara pembayaran subsidi ini kerana sepertimana yang saya ketahui bahawa penipuan-penipuan yang melibatkan wang Kerajaan berjuta-juta ringgit telah pun berlaku, terutamanya di Negeri Kedah di dalam usaha untuk membayar wang subsidi ini. Saya percaya bahawa memanglah satu kesukaran kepada pihak Kerajaan, khususnya kepada pihak LPN untuk mengendalikan perkara ini. Memang sukar bagi kita untuk menandakan padi-padi yang telah dijual oleh petani ini.

Masalah penipuan ini memanglah mudah dilakukan. Misalnya satu lori padi boleh dijual dua atau tiga kali dengan memakai nama-nama yang berlainan. Perkara ini memang telah pun terjadi.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Apa yang merunsingkan saya ialah mengapa pihak Kementerian telah

tidak mengambil tindakan lebih awal untuk mencegah perkara ini daripada berlaku kerana pihak Ketua Audit Negara telah pun membuat teguran sebelum daripada perkara ini dihebohkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Kerajaan telah pun kerugian berjuta-juta ringgit disebabkan oleh masalah penipuan ini dan sekarang ini Kerajaan pula telah mengenalkan satu cara baru, iaitu dengan menggunakan "pass book", dengan izin.

Baru-baru ini kita telah dapati bahawa cara ini juga telah ada orang yang cuba menipu. Ini menunjukkan bahawa cara ini juga tidak berkesan dijalankan. Kerajaan mengatakan bahawa ini adalah satu percubaan. Kalau percubaan yang melibatkan \$178 juta, saya rasa ini adalah satu perkara yang mungkin akan membawa kepada satu malapetaka perbelanjaan wang Kerajaan yang banyak. Jadi saya minta Kementerian supaya dapat mengkaji dengan cara yang mendalam bagaimanakah cara-cara yang sesuai supaya penipuan pembayaran subsidi padi ini tidak berlaku.

Saya boleh mencadangkan satu perkara di mana pihak Kerajaan telah pun menjalankannya semasa membayar wang ganti rugi kemarau di negeri Kedah iaitu sawah-sawah petani ini telah disahkan oleh Pengerusi ataupun Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan kemudiannya disahkan semula oleh Amil zakat. Ini menunjukkan bahawa jumlah padi yang dikeluarkan itu, yang diisytiharkan kepada Amil zakat adalah jumlah padi yang sebenarnya yang dikeluarkan oleh seorang petani itu di atas jumlah keluasan sewa yang tertentu. Dengan ini saya rasa kita akan mendapat dua hasil. Pertama, kita boleh mengurangkan penipuan, yang keduanya kita akan mendapat hasil zakat yang dikeluarkan kepada pihak Kerajaan. Itu adalah merupakan cadangan saya bagi perkara subsidi ini.

Perkara yang kedua, Maksud Bekalan P. 35, Butiran 1—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, muka surat 378.

Di dalam usaha ini memanglah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dapat memainkan peranannya di dalam usaha untuk memajukan sesebuah negeri. Usahanya bermacam-macam. Dalam usaha Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini, misalnya untuk membangunkan rumah-rumah, untuk mengembangkan perniagaan di negeri-negeri dengan membawa masuk pemodal-pemodal luar untuk memajukan sesebuah negeri.

Soalnya sekarang ini memang perkara ini telah pun cuba saya bangkitkan beberapa lama dahulu adalah mengenai pentadbiran bagi sesuatu perbadanan itu. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini boleh maju. Misalnya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang telah pun begitu berjaya di dalam usahanya untuk membangunkan negeri Selangor. Ini satu langkah yang baik dan saya mempunyai harapan supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang lain dapat mencontohi perkara ini.

Saya sebutkan tadi bahawa kerisauan saya adalah kepada pentadbiran Perbadanan-perbadanan ini. Pentadbiran Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini perlulah selalu diteliti oleh pihak Kementerian supaya pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini tidak dilakukan dengan sewenang-wenang. Ini sememangnya berlaku terutamanya di dalam penubuhan anak-anak syarikat Kerajaan. Kita dapati bahawa ekuiti ataupun penyertaan Kerajaan melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri ini adalah berbeza-beza di dalam anak-anak syarikat, boleh jadi

ada yang 51%, boleh jadi kurang peratusannya. Ada anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri ini di mana penyertaan Kerajaan adalah 60%, maka dilantiklah Ahli-ahli Yang Berhormat peringkat Negeri ataupun peringkat Persekutuan menjadi Jemaah Pengarah tetapi pengurusan anak syarikat itu dikendalikan oleh sebuah syarikat asing. Inilah yang mendukacitakan saya, sedangkan kita mempunyai 60% modal di dalam anak syarikat itu tetapi pengurusannya dibuat oleh orang luar.

Saya minta supaya pihak Kementerian dapat mengkaji sekurang-kurangnya semua anak syarikat yang mempunyai penyertaan Kerajaan, ditempatkan pegawai-pegawai daripada Perbadanan Kemajuan Negeri untuk melihat perjalanan anak-anak syarikat ini supaya ianya tidak membawa kerugian kepada kita. Boleh jadi ahli-ahli Lembaga Pengarah hanya akan membaca laporan tahunan pada setiap tahun melihat sama ada untung atau ruginya sahaja. Boleh jadi anak-anak syarikat ini akan mengisytiharkan kerugian sedangkan kedudukan yang sebenar adalah untung, kerana perkara ini boleh berlaku ialah keseluruhan pentadbiran bagi anak-anak syarikat ini dikuasai oleh syarikat itu sendiri dengan tidak ada sekatan, dengan tidak ada halangan dan dengan tidak adanya orang-orang yang boleh memberi kata putus di dalam usaha mengendalikan anak-anak syarikat itu. Jadi saya meminta supaya Kementerian dapat melihat, mengkaji dan kalau boleh memberi arahan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di mana anak-anak syarikat yang ditubuhkan pengendaliannya hendaklah benar-benar menguntungkan negara ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong peruntukan di bawah B. 35 dan P. 35.

5.55 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya suka bercakap pada muka surat 371, B. 35, Program (3) Lembaga Padi dan Beras Negara dan muka surat 378, Butiran (Projek) 5—Lembaga Padi dan Beras Negara.

Saya suka hendak menyebut satu perkara iaitu akibat daripada subsidi harga padi yang disebutkan oleh rakan saya tadi petani-petani telah mendapat faedah, orang-orang tengah pun telah mendapat faedah dan pengeluaran padi dalam negara kita telah pun bertambah. Kalau harimau mati meninggalkan belang, maka kilang-kilang padi adalah meninggalkan besi buruk dan matinya tanpa berkubur.

Tuan Pengerusi, sekarang ini kita dapati bahawa aktiviti Lembaga ini adalah melesenkan kilang-kilang padi. Sekarang ini kilang-kilang padi kepunyaan perseorangan ataupun kepunyaan Pertubuhan Peladang iaitu hak Kerajaan sendiri yang diselenggarakan oleh Pertubuhan Peladang, lesen yang dikeluarkan ialah untuk membeli padi dan dijual kepada LPN kalau sekiranya hendakkan subsidi harga padi. Jadi kalau tidak beli padi kilang sendiri, sudah tentulah akan menerima kerugian, kerana kita tidak dapat subsidi apabila kita beli padi dan kita kilangkan sendiri. Jadi, saya minta kepada pihak Kementerian ini supaya memberi lesen kepada kilang-kilang padi iaitu lesen membeli padi dan kilang sendiri. Dengan cara ini juga bahawa kilang-kilang padi ini akan boleh memberi subsidi kepada petani-petani dan juga kedudukannya adalah sama taraf dengan kilang-kilang LPN. Akibat daripada lesen yang diberi ini hanya untuk menjadi agen LPN sahaja maka 3 buah kilang padi Pertubuhan Peladang 3 daerah telah pun ditutup dan sekarang ini tinggal besi buruk tanpa apa-apa faedah.

Selain daripada itu, sebagaimana saya katakan tadi cadangan supaya memberi lesen kilang padi untuk kilang itu menghilang sendiri padi itu sebagaimana yang diselenggarakan oleh LPN. Kalau cara ini diberi, sudah tentulah kilang-kilang padi ini akan dapat berjalan dan kalau tidak, tidak ada siapa pun yang akan menjual padi ataupun menghantar padi untuk dikilang. Keadaan sekarang amat mendukacitakan, kerana banyak kilang-kilang padi telah pun ditutup dan tidak mendapat faedah apa-apa.

Satu kegiatan yang amat malang sekali telah berlaku bahawa beras telah ditukarkan dengan padi. Ini pun telah saya sebutkan di kawasan saya, saya tak tahu di kawasan lain—berleluasa telah berlaku. Saya tidak mahu menuduh, katanya perkara ini dijalankan oleh pegawai LPN sendiri untuk menukarkan beras dengan padi. Dengan ini mengelakkan orang daripada menghantar untuk kilang dan ini pun sama ada wakil ini sah ataupun tidak, 3R saya sebut nama dengan keadaan terang, 3R telah melantik satu wakil untuk menjalankan penukaran padi dengan beras, beras itu dibekalkan oleh LPN. Ini saya bertanya, adakah wakil ini merupakan wakil yang sah atau wakil tidak sah, dan kalau tidak ia merupakan satu penyelewengan dan ini melibatkan pegawai LPN.

Jadi, perkara-perkara yang saya sebutkan ini satu daripada unsur yang menyebabkan matinya kilang-kilang padi. Kilang padi 3R yang sekrag ini hidup segan mati tak mahu, akibatnya daripada subsidi harga padi lesen yang diberi itu tidak boleh kita mengilang padi, hanya mengharapkan upah, upah tidak ada petani yang suka kepada upah, kalau sekiranya kegiatan menukarkan beras dengan padi ini juga dijalankan.

Jadi saya minta pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri dan

juga bagi pihak LPN supaya memberi lesen yang sewajarnya sekurang-kurangnya kilang padi ini dapat berjalan setidak-tidaknya beri kuota yang tertentu bahawa kilang padi ini boleh membeli padi dan dikilang sebanyak mana patut dia boleh supaya keadaannya sama taraf dengan LPN itu.

Kalau tidak sama taraf dengan LPN sudah tentu kilang padi ini akan ditutup, pada hal lesennya dikeluarkan oleh pihak LPN ini sendiri. Jadi saya berharap sangat kepada pihak LPN supaya kilang-kilang padi ini akan dapat hidup dan akan dapat berjalan. Begitu jugalah kegiatan menukar beras ini, saya minta penjelasan yang jelas sama ada sah atau tidak, dan berharap perkara ini tidak akan berlaku. Kalau ini berlaku adalah satu penganiayaan yang teruk kepada satu agensi lain yang juga di bawah perbelanjaan Kerajaan.

Perbuatan ini menyebabkan saya rasa seluruh kilang padi dalam negara. Saya tidak tahu berapa ribu adanya kilang-kilang padi, sama ada kilang padi kepunyaan Pertubuhan Peladang dan kilang padi pertubuhan orang-orang lain perseorangan. Negara ini telah lumpuh dan rugi mati dengan tinggal menjadi besi buruk sahaja. Maka kilang padi tidak boleh dibuat kilang motokar, kalau boleh buat kilang motokar, atau kilang getah tidak apa, boleh tukar. Tetapi kilang padi kalau tidak boleh kilang padi jadi jawabnya tinggallah besi buruk.

Inilah kerugian yang tidak dapat bayar balik tetapi tidak ada functionnya lagi, tidak berfaedah. Jadi sekali lagi saya memohon supaya LPN supaya memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada tuan punya kilang, dan juga Pertubuhan Peladang supaya jangan menjalankan kegiatan yang boleh menjahanamkan satu agensi lain yang juga mengharapkan daripada perkhidmatan yang diberi oleh pihak Kerajaan.

Satu lagi saya suka hendak bercakap berkenaan dengan Maksud P. 35, Butiran 3—Bank Pembangunan Malaysia. Saya mengalu-alukan penubuhan Bank ini tetapi setakat ini apakah target group ataupun orang yang diberi pinjaman oleh pihak Bank Pembangunan Malaysia terutama dalam memberi pembangunan atau dalam memberi usaha-usaha kepada pihak pengusaha-pengusaha kecil. Kerana kalau kita mengharapkan pengusaha-pengusaha besar sudah tentu banyak bank-bank yang boleh memberi pinjaman. Tetapi kalau untuk pengusaha-pengusaha kecil pemberian sebagaimana yang dilakukan oleh Bank Pertanian misalnya bahawa peruntukan yang diberi untuk usahawan Bumiputera misalnya berapa ribu dan berapa banyak dengan faedah yang paling minima atau diberi tanpa faedah sebagaimana setengah-tengahnya demi untuk mengubah atau melahirkan satu usaha Bumiputera yang baharu hendak hidup.

Jadi saya berharap kepada Bank ini supaya dapat menjalankan usaha aktiviti kepada satu cara bagi mewujudkan satu usaha Bumiputera dan inilah merupakan target group ataupun golongan yang patut dibela bagi mengubah rakyat kita daripada sektor-sektor yang tidak maju kepada sektor yang lebih maju, iaitulah sektor pembangunan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini di dalam menjalankan pembangunan di dalam kedua-dua agensi yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab.

6.08 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap untuk menyokong peruntukan di bawah Maksud B. 35 dan P. 35, iaitu untuk Kementerian Perusahaan Awam dan juga agensi-agensinya di bawahnya. Saya akan menjawab beberapa daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan, perkara yang tidak dijawab itu saya akan ambil perhatian dan mana yang diminta siasat itu pasti akan disiasat.

Ahli Yang Berhormat daripada Lumut telah membangkitkan pengangkutan awam di pulau-pulau dan mengesyorkan supaya diwujudkan apa yang dikatakan "tut-tut" atau beca bermotor. Di sini inginlah saya menyatakan bahawa perkataan "tut-tut" ini kita kena elok sedikit cakap, kerana rupanya bila saya ke Bangkok dahulu bercerita kepada mereka pasal "tut-tut", yang ada di Bangkok ini gaya menyebut "tut-tut" itu lain maknanya di Siam rupanya, Tuan Pengerusi. Jadi tidak baik sangatlah.

Tuan Pengerusi: Apa maknanya?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Saya tidak tahulah kalau ada yang faham bahasa Siam di sini.

Tuan Pengerusi: Apa maknanya dia itu.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Mungkin unparliamentary, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Dia katanya "tut-tut", tidak boleh cakap lain daripada itu. Sebenarnya tut-tut ini bolehlah ditafsirkan sebagai beca bermotor dan ingin saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya konsep beca bermotor ini telah pun dipersetujui untuk dilaksanakan di negeri Terengganu dan buat masa ini yang diperlukan ialah supaya pindaan-pindaan yang berkenaan dibawa

kepada Parlimen untuk dipinda beberapa seksyen di dalam RTO atau Ordinan Jalan Lalulintas supaya dimuatkan jenis kenderaan beca bermotor ini sebagai satu daripada jenis-jenis kenderaan yang boleh diberikan lesen.

Sebenarnya yang akan membawa pindaan ini ialah Kementerian Pengangkutan dan sebaik sahaja perkara ini telah dibereskan maka pihak Lembaga Pelesenan akan mengeluarkan lesen-lesen kepada mereka-mereka yang memohon dan pihak Kerajaan tidak ada apa-apa halangan jikalau tempat-tempat seperti di Pulau Pangkor misalnya memerlukan beca bermotor ini bahkan ianya memang dianggap sesuai untuk dijalankan di kawasan-kawasan di mana memerlukan trip ataupun laluan-laluan yang agak pendek dan perlu mengambil lebih penumpang daripada teksi dan saya akan mengumumkan kelak apabila telah sampai masanya perkara ini dibuat.

Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Muda telah membangkitkan soal subsidi padi dan juga kes penipuan-penipuan yang berlaku. Tuan Pengerusi, saya telah beberapa kali di Dewan yang mulia ini menjelaskan apa sebenarnya yang telah berlaku berkaitan dengan apa yang dikatakan penyelewengan subsidi padi sama ada penyelewengan itu akibat daripada kecuaiannya pegawai kita yang mengelolakan subsidi, penipuan oleh kilang-kilang yang kita tauliahkan sebagai pembeli padi ataupun agen-agen yang kita berikan kuasa membeli padi bagi pihak LPN ataupun penipuan yang wujud daripada petani-petani sendiri yang cuba mengambil kesempatan.

Inginlah saya merumuskan hanya secara mendalamnya sistem subsidi padi itu seperti yang diakui oleh Yang Berhormat daripada Ulu Muda sendiri telah diwujudkan sistem "buku pas"

yang mana sistem buku pas ini adalah akan memberi satu cara yang berkesan untuk LPN mengetahui peringkat awal lagi orang-orang yang cuba membuat penipuan dan penyelewengan dan tujuannya ialah untuk membenters supaya penyelewengan di peringkat awal. Memang benar seperti kata Yang Berhormat itu semenjak dilancarkan projek pilot ataupun projek percubaan ini ada satu, dua yang cuba menipu, tetapi oleh kerana adanya sistem buku pas ini percubaan itu gagal.

Saya percaya kalau tidak ada sistem buku pas ini mungkin akan terlepas juga orang ini daripada penelitian pegawai-pegawai kita tetapi kerana ada buku pas ini dapat dikesan bahawa bidang tanahnya sekian banyak, maka hasil padi daripada bidang tanahnya hanya sekian banyak, tidak mungkin dia boleh membuat tuntutan jauh lebih berbeza daripada apa yang patut dikeluarkannya daripada tanah bidang sebegitu. Jadi apabila petani tersebut cuba membuat atau menjual padi yang lebih daripada yang dihasilkannya, maka boleh ditahan serta merta dan ditanya dan disiasat daripada mana padi itu datangnya.

Mungkin benar tahun itu, musim itu padinya banyak menjadi, tetapi tidak mungkin jauh berlebihan daripada tambahan sewajarnya. Tidaklah benar sistem buku pas yang kita katakan sebagai pilot projek ini gagal juga kerana ianya masih di dalam percubaan. Tetapi setakat ini telah nampak kesannya untuk mencegah penyelewengan di peringkat penjualan padi dan saya berharaplah supaya apabila kita dapat rumuskan kekesanannya besok dapat kita laksanakan di seluruh negara.

Dan untuk makluman Dewan ini, pada tahun lepas misalnya subsidi padi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan telah memberi manfaat kepada 205,604 petani yang mana sebanyak 77.77% adalah menerima subsidi yang kurang

daripada \$1,000 seorang iaitu petani-petani yang kecil sahaja. Jadi tidaklah boleh dinafikan bahawa subsidi padi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan semenjak dilancarkan dalam tahun 1980 dahulu telah memberikan manfaat kepada begitu ramai petani-petani kita dan tidaklah harus kita sangkal dan kita katakan sekim subsidi ini tidak berguna hanya kerana beberapa penyelewengan berlaku dan pihak kami, LPN adalah sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan, kalau boleh hendak membasmi apa juga usaha untuk menyalahgunakan sekim subsidi ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah membangkitkan soal PKEN iaitu program-programnya di peringkat negeri dan juga membangkitkan masalah pentadbiran. Saya tak tahulah, syarikat mana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu di mana katanya kita memiliki 60% tetapi yang mengendalikan orang-orang asing sahaja. Saya tak tahulah syarikat mana, mungkin saya akan tanya kemudian kelak secara private tetapi sebenarnya kalau benar SEDC memiliki sebanyak 60%, bahkan lebih daripada 51%, lebih daripada majoriti, maka biasanya tidak dibenarkan ianya ditadbirkan keseluruhan oleh orang-orang asing, kalau adapun orang-orang asing yang membantu menguruskan syarikat itu ialah oleh kerana misalnya syarikat kita usaha sama dengan orang asing dan ada di dalam perjanjian dikatakan kita mala bantuan teknikal daripada orang asing itu dan ini pun tidak untuk selamanya tetapi untuk setahun dua ataupun untuk jangka masa yang dianggap sesuai.

Ada dibangkitkan juga dari segi Lembaga Pengarah, kadang-kadang hanya membaca laporan sahaja. Mungkin inilah satu masalah yang kita hadapi. Saya gembira Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan

perkara ini. Saya sendiri dan pihak Kerajaan adalah memandang berat kepada penyertaan siapa juga yang kita lantik sebagai Lembaga Pengarah di dalam badan-badan Kerajaan ataupun syarikat-syarikat Kerajaan kerana mereka itulah yang menjadi mata dan telinga bagi pihak Kerajaan dan seharusnya mereka itu tidak hanya setakat membaca dari muka ke muka laporan-laporan yang disediakan oleh pengurusan, tetapi hendaklah mereka bersikap positif, bersikap ingin tahu dan apatah lagi bersikap sebagai penjaga amanah rakyat dan penjaga kepentingan Kerajaan. Dan saya selalu menyeru kepada Lembaga Pengarah yang telah kita lantik daripada mana-mana syarikat, tidak kira di dalam agensi-agensi Kerajaan kita atau di dalam syarikat Kerajaan supaya bekerjasama membantu Kerajaan untuk memastikan syarikat-syarikat itu dan agensi-agensi itu tidak menyimpang daripada objektif mereka dan apatah lagi selalu saya menekankan kepada pihak pengurusan tentang "public accountability" ataupun tentang menjaga kepentingan awam tadi. Jadi saya percaya perkara ini sudah pun dapat diterima dengan baik oleh Ahli Lembaga Pengarah dan pada hari ini sukalah saya menyatakan bahawa tidak ada lagi timbul masalah seperti dalam awal tahun 70an dahulu di mana banyak perkara yang tidak diinginkan telah pun berlaku dan syarikat yang terlibat seperti telah sedia maklum telah ditutup dan sebagainya. Jadi di masa akan datang, saya percaya masa depan anak-anak syarikat PKEN adalah cerah.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah membangkitkan soal lesen kilang dan saya percaya apa yang telah dibangkitkan oleh beliau itu adalah soal melesenkan kilang-kilang kecil yang dahulunya bertugas untuk mengisar padi secara upah kepada kilang-kilang yang bertaraf kommersial.

Tuan Pengerusi, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan antara pihak LPN dengan Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu soal perlesenan masih belum dirumuskan secara muktamad sama ada LPN hendak melesenkan ataupun pihak Kerajaan Negeri hendak melesenkan. Buat masa ini masih ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tak mahu melesenkan tetapi ada yang hendak melesenkan dan ada yang mengatakan LPN kena lesenkan dan dia kutip hasil daripada lesen. Jadi perkara ini sedang dibincang tetapi pada hakikatnya untuk melesenkan kilang-kilang kecil itu untuk menjadi kilang kommersial dan dengan itu juga dapat menjadi pembeli padi kepada LPN, inginlah saya tekankan bahawa bukan kita dapat buat untuk semua kilang, mestilah kilang-kilang itu dapat memenuhi beberapa syarat kalau hendak dinaikkan ke taraf kommersial hendaklah kuasa kuda jenteranya misalnya sesuai supaya mutu beras yang kita dapat daripada kisaran itu tinggi dan juga hendaklah kita jamin pengurusan kilang itu berkeupayaan untuk menguruskan jual-beli padi tadi.

Buat masa ini untuk meningkatkan taraf kilang-kilang kecil itu telah ditubuhkan Jawatankuasa antara LPN dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan kedua-dua pihak itu menimbangkan yang mana patut diberi dan yang mana patut tidak. Dan untuk makluman Dewan, buat masa ini kita mempunyai 1965 kilang yang dilesenkan untuk membeli padi bagi pihak LPN yang mana 1,106 daripadanya adalah kilang-kilang Bumiputera.

Juga Ahli Yang Berhormat tadi telah membangkitkan tentang soal beras ditukar dengan padi. Saya tak begitu faham apa yang dimaksudkan beras ditukar dengan padi tetapi telah pun digambarkan bagaimana kemungkinan ada pegawai LPN yang terlibat dalam hal ini. Saya sudah pasti akan menyusuli dan kalau benar perkara ini berlaku maka tindakan-tindakan yang

sesuai akan diambil kerana saya percaya bukan matlamat kita untuk adanya pegawai kita menjalankan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Tetapi ingin juga saya tekankan, ada kemungkinan perkara ini disalahtafsirkan oleh orang yang menengok beras ditukar jadi padi atau padi ditukar jadi beras itu kerana pada setengah kilang-kilang kecil LPN telah berusaha membantu mereka supaya jangan tutup ataupun gulung tikar dan hanya tinggal besi buruk sahaja.

Kita telah sebenarnya membantu kilang-kilang kecil itu terutamanya koperasi dengan memberikan mereka kemudahan mengisar beras LPN sendiri. Jadi dengan itu tak adalah mereka kurang langganan daripada petani dan mereka terpaksa tutup, jadi dapatlah menampung sekurang-kurangnya kos operasi mereka dan dapat juga sedikit keuntungan dan ini ada berlaku kilang kecil mengisar beras bagi pihak LPN.

Juga ada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal Bank Pembangunan, ditanya apakah target group ataupun kumpulan sasaran. Sebenarnya, Bank Pembangunan telah diarahkan oleh Majlis Tindakan Negara supaya menumpukan perhatian dari segi pinjaman kepada bidang pembuatan (manufacturing) dan juga bidang-bidang di mana kaum bumiputera boleh digalakkan untuk berkecimpung dan seterusnya dapat membesarkan dari semasa ke semasa dan yang dipentingkan oleh Bank Pembangunan ialah bukan semata-mata bilangan bumiputera yang hendak diberi pinjaman atau semata-mata jumlah yang hendak diberi pinjaman tetapi yang dipentingkan ialah supaya setiap pinjaman itu diberikan cukup dengan satu package, iaitu satu package yang mana wang yang diberi dengan disusuli dengan seliaan yang lengkap. Ini adalah amat penting kerana jika bank seperti Bank

Pembangunan hanya memberi kredit sahaja tanpa seliaan yang menyeluruh sehingga peminjam itu berjaya, maka saya rasa tugasnya belum lagi berjaya. Jadi kredit yang diseliakan itu (supervised credit) menjadi pendekatan yang digunakan dan Bank Pembangunan juga membantu bumiputera di dalam bidang menjalankan kontrak dengan menyediakan pajakan (leasing) jentera-jentera dan loji dan seperti yang dilihat ada peruntukan yang agak besar diberi untuk penyediaan alat-alat loji untuk disewa terutama dijalankan oleh bumiputera.

Begitu juga Bank Pembangunan telah memulakan satu skim bimbingan usahawan bumiputera iaitu memberikan kepada bumiputera itu bukan sahaja pinjaman tetapi juga tempat menjalankan industri masing-masing iaitu dalam bentuk "flatted industries" di mana akan dipupuk dan dididik oleh Bank Pembangunan untuk misalnya 5 tahun sehinggalah bumiputera itu berjaya dan boleh dipindahkan kepada estet-estet perindustrian yang lebih besar seperti yang dikendalikan oleh PKEN. Jadi itulah sahaja secara ringkas sasaran-sasaran peminjam yang diutamakan oleh Bank Pembangunan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja jawapan saya pada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$253,181,900 untuk Maksud B. 35 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$253,181,900 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$300,320,010 yang disebutkan dalam Maksud P. 35 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$300,320,010 untuk Maksud P. 35 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Maksud B. 36 (Jadual)—

Maksud P. 36 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 36 dan Maksud Pembangunan P. 36 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

6.21 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 36 iaitu Butiran 1100. . . .

Tuan Pengerusi: Saya minta maaf. Sudah habis dua Kementerian. Tidak siapa yang beritahu saya. Saya minta maaf. Hari ini saya rajin sedikit (*Ketawa*).

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang Dipertua: Saya ingat boleh sambung mesyuarat, kerana masa tidak habis. Usul tadi menyatakan Dewan tidak akan ditangguhkan, walaupun pada 6.30. Jadi kita kena tangguh pada 6.30. Saya ingat saya betul tadi. Jika kalau siapa-siapa boleh membawa usul supaya ditangguhkan sekarang, dipersilakan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang Dipertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang dan disambung semula pada 2.30 petang esok, 23hb November, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.22 petang.